


Jilid 1
Bil. 69



Hari Jumaat
16hb Oktober, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

**Cuti Y.B. Tuan Wang Choon Wing—Kebenaran [Ruangan 11581]
Mengalu-alukan Kehadiran T.Y.T. Presiden Oman Consultative Council
dan Rombongannya [Ruangan 11588]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11581]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara [Ruangan 11629]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu). -

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
„ TUAN P. PATTO (Ipoh).
„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).
„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
„ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
„ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
„ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
„ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
„ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
„ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
„ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
„ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir
Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 16hb Oktober, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA

CUTI Y.B. TUAN WANG CHOON
WING—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

Y.B. Tuan Wang Choon Wing, Ahli bagi kawasan Lipis dari 12 Oktober hingga 4hb Disember, 1987.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

CARUMAN RAKYAT MALAYSIA
DI CPF SINGAPURA

1. Tuan P. Patto minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) jumlah caruman rakyat Semenanjung Malaysia yang terdapat dalam Kumpulanwang

Simpanan Pusat (CPF) di Singapura setakat ini;

(b) bilangan pencarum rakyat Semenanjung yang telah dan masih mencarum kepada Kumpulanwang Simpanan Pusat (CPF) yang belum lagi mengeluarkan carumannya walaupun tidak bekerja di Singapura lagi;

(c) sama ada pihak Kerajaan pernah mengadakan rundingan dengan Kerajaan Singapura untuk memastikan pencarum-pencarum rakyat Semenanjung Malaysia kepada Kumpulan Simpanan Pusat (CPF) dapat mengeluarkan kesemua caruman mereka sebaik sahaja mereka tidak bekerja di Singapura lagi sepertimana pencarum-pencarum negara-negara lain termasuk negeri Sabah dan Sarawak dibenar berbuat, jika ya, apakah hasil rundingan itu dan apakah sebab pihak Kerajaan Singapura tidak membenarkan pekerja-pekerja dari Semenanjung Malaysia yang mencarum kepada CPF Singapura mengeluarkan caruman mereka apabila mereka tidak bekerja di Singapura lagi.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kumpulanwang Simpanan Pusat (CPF) Singapura tidak menyimpan statistik mengenai jumlah caruman dan bilangan rakyat asing.

termasuk rakyat Malaysia yang mencarum dengannya. Oleh itu, angka-angka yang dikehendaki tidaklah dapat diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan Malaysia belum bercadang untuk mengadakan rundingan dengan Kerajaan Singapura bagi membolehkan pencarum-pencarum dari Semenanjung Malaysia mengeluarkan kesemua caruman mereka dari CPF sebaik sahaja mereka tidak lagi bekerja di Singapura.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh CPF kepada rakyat Malaysia yang ingin mengeluarkan caruman-caruman mereka dan apakah pula syarat-syarat yang dikenakan oleh KWSP kepada Rakyat Singapura sekiranya mereka ingin mengeluarkan caruman mereka.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng, mengikut Akta CPF, rakyat Malaysia yang mencarum di CPF yang telah kembali untuk menetap di Malaysia boleh mengeluarkan caruman mereka dengan menepati semua syarat-syarat yang berikut:

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, panjangkah syarat itu?

Tuan Loke Yuen Yow: Tak berapa panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Loke Yuen Yow: Yang sudah mencapai umur 50 tahun; yang sudah bermastautin di Malaysia Barat; yang telah berhenti bekerja di Singapura dua tahun sebelumnya; ianya rakyat Malaysia dan yang tidak memegang permit kerja di Singapura.

Dengan mengikut Akta KWSP 1951, syarat-syarat pengeluaran bagi rakyat Singapura adalah disebut seperti berikut. Izinkan saya memberi jawapan dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah itu?

Tuan Loke Yuen Yow: Dengan izin, very short.

“No sum of monies standing to the credit of a member of the Fund may be withdrawn from the Fund except with the authority of the Board and subject to any regulations and rules made under Section 20 and 21 such authority shall not be given unless the Board is satisfied that the member of the Fund has attained the age of 55 years, the member of the Fund is physically or mentally incapacitated from engaging in any further employment or the member of the Fund is about to leave Malaysia with no intention of returning thereto or residing in the Republic of Singapore.”

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada berkata bahawa Kerajaan Malaysia tidak ada sebarang perbincangan dengan pihak Singapura untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia yang tidak lagi bekerja dan tidak berniat bekerja di Singapura lagi dibenarkan untuk mendapat kembali caruman mereka daripada CPF dan dalam jawapannya itu juga beliau tidak mengatakan sebab-sebab mengapakah pihak Kerajaan Malaysia tidak mahu memulakan perbincangan dengan Kerajaan Singapura. Memandangkan satu ketika dahulu beratus-beratus ribu rakyat Malaysia bekerja di Singapura dan berjuta-juta ringgit pendapatan yang dicari oleh rakyat Malaysia disimpan dalam CPF dan wang yang dicari oleh rakyat Malaysia itu hari ini dipergunakan

oleh Kerajaan Singapura bagi maksud-maksud tertentu, tidaklah Kerajaan berpendapat bahawa sudah tiba masanya untuk mula membincangkan dengan Kerajaan Singapura supaya rakyat Malaysia yang pernah bekerja di Singapura dan yang tidak mempunyai sebarang niat untuk masuk ke Singapura, bekerja semula di sana untuk mendapat balik segala wang caruman mereka daripada CPF dan juga bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan sebab-sebab kenapakah Kerajaan tidak mahu memandang berat perkara ini, walaupun sudah diutarakan dalam akhbar dan oleh beberapa golongan yang tertentu mengenai perkara ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kewangan saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang mengatakan bahawa perundingan di antara kedua negara ini haruslah bermula supaya pencarum-pencarum rakyat Malaysia kepada CPF boleh mendapatkan balik wang-wang mereka dari Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, sebelum sesuatu perundingan di antara kedua negara boleh dimulakan, Kerajaan Malaysia haruslah membuat beberapa persediaan, misalnya Kerajaan Malaysia harus menyiasat adakah statistik yang disimpan oleh Kerajaan Singapura atau KWSP atau Kerajaan Malaysia supaya apabila perundingan itu bermula hasil yang besar boleh didapati. Kerajaan Malaysia pun ingin membuat keputusan bahawa jikalau perundingan ini bermula adakah perundingan ini harus dijalankan di peringkat Kementerian atau CPF/EPF sahaja. Jadi, adalah banyak kerja yang harus dibuat.

Tadi saya katakan Kerajaan buat masa ini belum bercadang mengadakan perundingan. Ini tidak

bermakna pada suatu masa kelak jikalau memerlukan Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan perundingan itu. Terima kasih.

MEMULIHKAN SYARIKAT-SYARIKAT TENAT

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerianya telah memastikan bilangan syarikat yang tenat yang perlu dipulihkan, jika ada, nyatakan bilangan syarikat yang tenat baik di kalangan Bumiputera dan bukan Bumiputera. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelamatkan dan memulihkan dan adakah syarikat-syarikat yang tenat ini dan adakah Menteri boleh memberi jaminan bahawa apabila tabung pusingan ini ditubuhkan bagi menyelamatkan syarikat-syarikat dalam kesusahan, tabung tersebut akan diperluaskan kepada semua peniaga-peniaga yang memerlukan tanpa mengira kaum dan tabung ini pula tidak akan disalahgunakan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan syarikat yang tenat tidak dapat dinyatakan kerana data-data mengenainya tidak disimpan oleh Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, usaha penting yang sedang diberi tumpuan oleh Kementerian ialah mengenai cara-cara untuk memulihkan syarikat-syarikat berkenaan. Sebagai usaha permulaan, kesemua institusi-institusi kewangan telah diarah supaya menubuhkan Unit Pemulihan Khas bagi membantu secara berkesan pemulihan syarikat-syarikat yang pada asasnya mempunyai keupayaan untuk maju, tetapi menghadapi masalah buat sementara waktu, khususnya dalam keadaan ekonomi sekarang.

Penubuhan tabung pusingan untuk membantu syarikat-syarikat yang menghadapi masalah masih lagi dalam kajian Kerajaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kerajaan tidak menyimpan rekod bilangan syarikat yang tenat yang perlu dipulih. Di sini saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian beliau dapat mengenal pasti sehingga hari ini tentang bilangan syarikat yang tenat ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah jawab soalan itu sebenarnya kita tidak menyimpan rekod. Rekod tersebut boleh didapati sekiranya dikehendaki daripada institusi-institusi kewangan tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sejauh manakah Unit Pemulihan Khas yang dibentuk oleh institusi-institusi kewangan berkesan? Adakah Kementerian Kewangan mempunyai cara mengesani unit tersebut dengan cara mendapat maklumat tiap-tiap bulan supaya usaha ini memberi kesan yang baik?

Yang kedua, bagaimanakah dengan kedudukan tabung yang dikhaskan yang dicadang untuk bumiputera satu ketika dahulu ataupun baru-baru ini sebanyak \$500 juta untuk menolong peniaga-peniaga bumiputera?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang kemudian itu tidak berkenaan. Soalan yang mula-mula sila jawab.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan telah pun mengadakan mesyuarat dengan sebahagian besar daripada institusi-institusi kewangan di Malaysia terutama bank-bank dan

didapati bahawa di dalam menjalankan "rehabilitation programme" ini, dengan izin, bank-bank tersebut menghadapi masalah juga sedikit-sebanyak untuk menentukan adakah syarikat-syarikat yang menghadapi masalah itu masih viable, masih solvent, dengan izin. Oleh kerana itu maka Kementerian telah pun cuba sedaya upaya Kementerian untuk mendapat maklum balas daripada institusi-institusi kewangan tersebut dan laporan yang kita terima setakat ini adalah positif.

MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN T.Y.T. PRESIDEN OMAN CONSULTATIVE COUNCIL DAN ROMBONGANNYA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita masuk kepada soalan yang lain, saya dengan sukacitanya memaklumkan iaitu bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran di Dewan petang ini Tuan Yang Terutama Tuan Sayyid Salim Nasir Al-Busaid, Presiden Oman Consultative Council, Tuan Yang Terutama Tuan Sheikh Aflah Hamad Alawali, Timbalan Presiden Oman Consultative Council dan ahli-ahli rombongannya. *(Tepuk)*

Tuan Yang Terutama Tuan Sayyid Salim Nasir Al-Busaid dan rombongannya adalah dalam rangka lawatan rasmi mereka ke Malaysia dari 14hb hingga 20hb Oktober, 1987.

GALAKAN PELABURAN— MAKLUM BALAS PELABUR ASING

3. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah maklum balas secara terus yang diperolehi

daripada pelabur-pelabur asing mengenai iklim pelaburan di Malaysia, hasil daripada lawatan rombongan yang diketuai oleh Yang Berhormat sendiri ke negara Jerman Barat, Australia dan Amerika Syarikat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kini masih berada di luar negeri dalam rangka lawatan beliau mengenai rombongan galakan pelaburan dan perdagangan Malaysia ke negara-negara Amerika Syarikat dan Jerman Barat. Yang Berhormat Menteri juga belum lagi membuat lawatan ke Australia bagi tujuan yang sama. Oleh itu saya tidaklah dapat memberi apa-apa ulasan sekarang.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan memberitahu apakah ramalan yang telah dibuat dan telah dianggapkan sama ada lawatan ini dapat membawa apa-apa kesan pelaburan ke Malaysia. Jika tidak, mengapakah lawatan itu patut dibuat?

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalak pelaburan asing Kerajaan beberapa kali membuat rombongan untuk menarik minat ramai usahawan asing. Sambutan mereka sangatlah menggalakkan dan mereka berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan berkaitan dengan iklim pelaburan di Malaysia.

Maklum balas secara terus yang diterima dapatlah dilihat dari segi jumlah modal asing dalam projek-projek milik asing keseluruhannya di sektor pembuatan yang telah diluluskan dari tahun 1983 hingga 1986 seperti berikut. Tahun 1983 jumlah modal asing ialah \$329.1 juta.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang diberi tidak berkaitan dengan soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya bersetuju itu. Yang Berhormat, yang ditanya itu ialah yang dijawab tadi, sudah habislah.

Tuan M. G. Pandithan: Baik, terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa apakah bila ada lawatan Menteri sahaja Yang Berhormat boleh memberi jawapan tentang iklim pelaburan kepada pelabur-pelabur di Australia? Adakah kalau tanpa lawatan Menteri, Yang Berhormat boleh memaklumkan kedudukan pelabur-pelabur tentang pemahaman mereka ataupun tentang pemakluman mereka, tentang iklim pelaburan di Malaysia, sebab kita mempunyai Pesuruhjaya Perdagangan di tiap-tiap negara yang telah disebutkan tadi, terutamanya Australia?

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, lawatan-lawatan ialah penting dan lawatan dibuat oleh.

Tuan Lau Dak Kee: Tak puas hati dengan jawapan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia bertanya bukan berkenaan dengan lawatan-lawatan Menteri. Setakat manakah boleh diadakan perdagangan di antara negara kita dengan negara-negara lain dengan tidak beralaskan kepada lawatan Menteri—sama ada daripada perdagangan-perdagangan, ketua-ketua perdagangan.

Tuan M. G. Pandithan: Itu lah.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, minta lain Menteri jawablah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, semua lawatan ialah penting.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah! (Ketawa)

PERUSAHAAN PELANCONGAN DI SABAH

4. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan jumlah wang yang diuntukkan oleh Kerajaan untuk mengembangkan perusahaan pelancongan di Negeri Sabah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbarudin Chik): Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tidak mempunyai peruntukan yang khusus untuk mengembangkan perusahaan pelancongan bagi negeri-negeri tertentu di Malaysia. Peruntukan yang diluluskan untuk Kementerian ini ialah peruntukan mengurus yang mana sebahagian besar darinya ialah bagi Perbadanan Kemajuan Pelancongan ataupun TDC bagi menjalankan aktiviti-aktiviti penggalakan dan juga pemasaran untuk menarik lebih ramai lagi pelancong ke negara kita ini. Di dalam melaksanakan aktiviti ini, strategi penggalakan dan pemasaran ialah untuk mempamerkan negara sebagai satu destinasi yang mempunyai berbagai-bagai tarikan. Tempat-tempat menarik di Sabah terutamanya kawasan sekitar Gunung Kinabalu mendapat tempat yang istimewa di dalam strategi penggalakan yang sedang kita jalankan.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa masalah besar yang dihadapi oleh negeri Sabah dan Sarawak terhadap menarik pelancong-pelancong luar

negeri kepada kedua-dua negeri itu ialah masalah pemasaran dan masalah under exposure, dengan izin, di pasaran pelancongan antarabangsa khususnya di seberang laut. Dan jika ya, kedua-dua ini menjadi faktor yang penting, apakah tindakan akan diambil oleh Kementerian Yang Berhormat itu supaya exposure dan pemasaran antarabangsa dapat dipertingkatkan?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, bukan masalah pemasaran ataupun masalah under exposure. Masalah sebenarnya ialah duit yang tidak cukup. Ini bukan masalah khusus bagi Sabah atau Sarawak tetapi semua negeri. Selain daripada masalah kewangan, yang kita perlu di dalam usaha kita membuat promosi ini, masalah accessibility ataupun masalah bilangan penerbangan yang tidak sebegitu cukup dibandingkan dengan penerbangan yang kita perlu untuk membawa pelancong-pelancong ini masuk ke negara kita juga merupakan satu masalah.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Menteri tadi, beliau berkata bahawa kebanyakan peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini adalah diberi kepada TDC. Dalam hal ini saya ingin tahu sama ada TDC sebagai badan yang diberi tugas untuk merancang perancangan pelancongan di negara ini telah memainkan peranan yang memuaskan. Beliau telah berkata juga bahawa kekurangan masalah kita hadapi di negara ini ialah masalah mengenai dengan kewangan. Jika TDC tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk melaksanakan program pelancongan di negara ini, apakah cara yang diambil oleh Kementerian supaya pihak swasta diberi peluang untuk menyumbang terhadap matlamat Kementerian untuk memajukan industri pelancongan di negara ini?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya kata dari segi kekurangan duit ataupun wang sehingga ke tahun 1987. Insya Allah pada tahun 1988 walaupun Budget belum dibentangkan lagi, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengumumkan atas tambahan bagi peruntukan promosi sebanyak \$100 juta. Saya harap semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menyokong ditambah lagilah lebih daripada itu; minta dua, tiga ratus juta, Insya Allah kita akan buat lebih baik lagi. Saya bukan hendak kempen, tetapi cagak sahajalah. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Macam itulah. *(Ketawa)*

TINDAKAN ATAS PEMAJU PERUMAHAN

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan semenjak penguatkuasaan Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, berapakah pemaju perumahan berlesen yang telah didapati melanggar Akta ini dan sejauh manakah tindakan telah diambil ke atas mereka bagi melindungi pembeli-pembeli rumah daripada kerugian dan teraniaya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Hussein bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Akta ini bermula kuatkuasa pada 16hb Ogos, 1973. Setakat ini bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengenalpasti sebanyak 55 buah syarikat Pengusaha atau pemaju perumahan dan 55 buah ini telah dibawa ke Mahkamah, 12 daripadanya telah pun disabitkan.

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa masih ada ramai pemaju

perumahan di mana mereka belum dapat lagi permit untuk mengiklan dan menjual rumah-rumahnya di skim perumahan, tetapi mereka melalui agen mereka mengiklan di suratkhbar tempatan untuk menjual rumah dan ramai orang ramai pun sudah jadi mangsa dan mereka ada bayar wang bawah meja. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, apa yang saya ingin tahu ialah berapa aduan yang telah pun diterima oleh Kementeriannya sejak awal tahun ini dan apakah tindakan yang sudah atau sedang diambil oleh Kementeriannya terhadap pemaju-pemaju yang kurang tanggungjawab?

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengenalpasti pemaju-pemaju yang melanggar Akta menjadi tanggungjawab Kementerian dari masa ke semasa dan untuk mengetahui beberapa tindakan yang akan dibuat, oleh kerana itu merupai statistik, saya pohon notis.

Tuan S. S. Subramaniam: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar, daripada 55 buah pemaju-pemaju tersebut, sebahagian besar ataupun boleh jadi semuanya telah menghadapi kesulitan oleh kerana syarat-syarat yang telah dikenakan oleh pihak negeri-negeri itu khasnya daripada segi premium dan low cost dan juga lain-lain syarat yang tidak boleh dipenuhi oleh pemaju-pemaju dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan Pusat untuk mengelakkan perkara tersebut?

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, segala syarat yang dipastikan oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri adalah satu perhitungan bersesuaian dengan keadaan setempatnya dan saya yakin pemaju-pemaju yang tidak berupaya sudah pasti tidak akan melaksanakannya lebih awal.

INDUSTRI SIMEN

6. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagaimanakah kedudukan industri simen di negara kita pada masa ini. Berapa banyakkah pelaburan Kerajaan di dalam industri ini; adakah benar bahawa kos punca pengeluaran di dalam kilang-kilang simen yang diceburi oleh modal Kerajaan melebihi harga runcit simen di pasaran; jikalau benar, apakah tindakan yang sedang dan akan diambil.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, industri simen masih lagi mengalami permintaan yang lembab dan masalah berlebihan keupayaan pengeluaran (excess capacity). Bagi tahun 1986 jumlah permintaan simen dalam negeri ialah sebanyak 3.4 juta tan metrik dan bagi tempoh setengah tahun pertama tahun ini (1987) jumlah permintaan ialah sebanyak 920,636 tan metrik sahaja berbanding dengan keupayaan pengeluaran sebanyak 7.25 juta tan metrik setahun. Industri simen pada tahun 1986 mempunyai berlebihan kapasiti pengeluaran simen lebih kurang 3.85 juta tan metrik setahun.

Pelaburan Kerajaan di dalam industri simen pada masa kini ialah \$268,652,479 dan adalah benar bahawa kos pengeluaran simen untuk beberapa kilang tersebut melebihi harga runcit simen di pasaran sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kilang-kilang simen tersebut baru sahaja memulakan operasinya, oleh itu kos pelaburannya adalah amat tinggi. Kilang-kilang ini terpaksa menanggung kos susutnilai dan kos kewangan yang tinggi berbanding dengan kilang-kilang simen lain yang telah lama beroperasi dengan kos pelaburan yang rendah. Tambahan lagi dengan

keadaan kemerosotan permintaan simen yang dihadapi sekarang, kilang-kilang tersebut terpaksa beroperasi di bawah paras kapasiti yang akan menguntungkannya.

Kerajaan dalam usahanya untuk meningkatkan lagi paras pengeluaran kilang-kilang simen tempatan agar kos pengeluarannya akan berkurangan telah pun mengambil beberapa tindakan. Umpamanya, pada akhir tahun 1985 Kerajaan telah pun memutuskan supaya simen digunakan bagi pembinaan jalan-jalan baru dan pada tahun 1986 pula, Kerajaan telah melancarkan Program Khas Perumahan Kos Rendah. Selain daripada itu Kerajaan juga telah melonggarkan sekatan eksport terhadap simen supaya industri tersebut dapat meningkatkan kapasiti pengeluarannya bagi pasaran eksport. Kerajaan berharap kos pengeluaran kilang-kilang ini akan berkurangan dalam jangka masa panjang apabila permintaan dan pengeluaran simen bertambah nanti dan pinjaman wang bagi membiayai projek-projek tersebut diselesaikan kelak.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat tadi benar bahawa kos pengeluaran lebih tinggi daripada harga runcit di pasaran. Saya tahu bahawa Kerajaan telah menyokong penubuhan Pemasaran Simen Negara. Jadi saya ingin tahu siapakah anggota-anggota ataupun kilang-kilang mana yang terlibat dengan Pemasaran Simen Negara—itu satu.

Yang kedua, mengapakah ada di kalangan anggota-anggota yang menikam curi kawan-kawannya daripada belakang, maksudnya ada kilang-kilang yang menjual murah daripada kilang-kilang lain?

Yang ketiga, mengapakah Kementerian tidak memberi kawalan

kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh Pemasaran Simen Negara?

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama bahagian satu, bolehkah ulang semula?

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah buat (a), (b) dan (c)?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kilang-kilang dengan sokongan Kerajaan supaya menubuhkan Pemasaran Simen Negara. Jadi saya hendak bertanya siapakah ahli-ahli Pemasaran Simen Negara atau kilang-kilang yang terlibat. Soalan lain yang saya tanya itu, saya minta dia tulis, saya pun tidak tulis? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia pun lupa. Jawab yang pertama sahaja, ahli-ahli pemasaran.

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya tanya mengapakah ada ahli-ahli yang menikam kawannya daripada belakang dengan menjual simen lebih murah daripada yang dipersetujui oleh Pemasaran Simen Negara? Kalau sekiranya terjadi, mengapakah pihak Kementerian tidak mengambil tindakan supaya harga runcit di pasaran itu tidak rendah supaya dapat membantu kilang-kilang ini mengatasi masalah kos tadi? Senang sahaja soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dua—ahli-ahli pemasaran dan yang nombor duanya, tikam curi. (*Ketawa*)

Tuan M. G. Pandithan: Kilang-kilang Pemasaran Simen yang terlibat dengan Kerajaan ialah:

- (1) Perak Anjung;
- (2) Cement Industry Se-Malaysia;
- (3) Kedah Cement (Sdn) Berhad;
- (4) Cement Manufacturers Sarawak (Sdn) Berhad; dan

(5) Cement Manufacturers Sabah (Sdn) Berhad.

Bahagian kedua, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai sebarang report tentang menikam belakang. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, tadi dia beri jawapan mengatakan harga simen di pasaran murah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak boleh ada soal jawab dalam perkara ini, tidak boleh berbahas di dalam soal mulut.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan tidak hadir).

PENGUNAAN DUIT SYILING DI KEDAI-KEDAI

8. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar akan duit syiling satu sen yang disalahgunakan oleh pusat beli-belah dan kedai-kedai "fast-food" sebagai satu cara untuk menarik pelanggan-pelanggan dengan tawaran diskaun yang lazimnya melibatkan duit syiling satu sen, misalnya tawaran sepasang kasut berharga \$19.99 dan dalam beberapa kes para pelanggan tidak minat untuk mendapatkan balik baki duit satu sen itu; oleh demikian adakah Menteriannya menimbang untuk memansuhkan penggunaan duit syiling satu sen dan jika tidak, mengapa. Bolehkah Menteri juga memberitahu jumlah duit syiling satu sen yang berada dalam pasaran di negara ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, tawaran diskaun oleh pusat beli-belah dan kedai-kedai "fastfood" seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat bukanlah suatu

perkara yang baru. Penggunaan duit-duit syiling seumpama itu adalah tidak salah di sisi undang-undang. Keengganan para pelanggan untuk mendapatkan balik baki duit satu sen tidak merupakan alasan yang kukuh untuk Kerajaan memansuhkan penggunaan duit syiling satu sen.

Pada 31hb Ogos, 1987, sebanyak 450 juta duit syiling satu sen bernilai \$4.5 juta berada dalam edaran. Ini menunjukkan bahawa duit syiling satu sen masih popular dan digunakan secara meluas oleh orang ramai untuk membuat urusan pembayaran.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Kewangan memberitahu di Dewan ini adakah duit satu sen dihadkan untuk digunakan atau untuk membayar apa-apa bil Kerajaan sama ada seperti satu sen hadnya untuk bayaran tol, seperti electricity bill berharga \$10 tidak boleh dibayar dengan duit satu sen berjumlah \$10? Adakah ianya dihadkan oleh Kerajaan? Kalau tidak, mengapa banyak pejabat-pejabat Kerajaan enggan menerima satu sen untuk bayaran bil-bil yang dikenakan?

Tuan Yang di-Pertua: Harga bil itu satu senkah?

Tuan Lau Dak Kee: Jelaskan bayaran dengan duit satu sen.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji itu bertanya soalan tambahan ini tidak dengan sikap yang ikhlas. Ahli Yang Berhormat itu hanya main-main sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 36 (6), ini sangkaan jahat.

Tuan Loke Yuen Yow: Sila duduk, sebab saya masih jawab sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, sila duduk! Yang Berhormat, saya sendiri memikirkan dia bertanya bersungguh-sungguh. (*Ketawa*) Kadang-kadang kita bawa duit satu sen, setengah-setengah tempat itu mereka tidak terima.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menghadkan penggunaan duit syiling satu sen itu untuk sesuatu tujuan. Kalau sesiapa yang ingin membayar bil Kerajaan dengan duit syiling satu sen, jikalau pekerja di tempat itu ada masa mengira duit itu tentulah Kerajaan akan menimbang menerimanya.

Oleh kerana untuk mengira duit syiling satu sen itu umpamanya berjumlah \$10 akan memakan masa, adalah susah sedikit. Oleh itu, Kerajaan bercadang menyeru sektor awam atau rakyat jelata seberapa boleh jangan membayar bil-bil Kerajaan dengan semua duit syiling satu sen.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat memang kalau kita pergi ke kedai, kita akan lihat harga \$9.99 sen. Itu tidak munasabah. Selalu kita bertengkar dengan pekedai kenapa tidak dijadikan \$10, kerana nampaknya begitu tidak munasabah. Adakah Kerajaan bercadang, kalau dapat hendak mengarahkan supaya dihapuskan perkara semacam ini. Kalau \$9.90 sen, jadikan \$10.

Kedua, ada kes dahulu di mana seorang hamba Allah "frust", mempunyai perasaan frustrasi yang begitu hangat sangat terhadap Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Frustrasi dia tidak hangat. (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Frustrasi yang amat sangat terhadap Kerajaan atas pembayaran terhadap

sesuatu. Jadi dia kumpul wang \$1 sebanyak \$14,000. Kita takut ini akan berlaku terhadap dua satu sen ini. Kalau dia kumpul duit satu sen sampai \$10,000, dibayar kepada Jabatan Kerajaan, mungkin ini mengambil masa untuk menghetong. Tidakkah Kerajaan bercadang mengarah dihapuskan cara macam ini?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian pertama, Kerajaan tiada cadangan.

Soalan bahagian kedua, itu tidak terlibat polisi Kerajaan dan oleh kerana itu Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan apa yang mungkin dijalankan di antara kedua-dua pihak, dengan izin, out of frustration.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain.

(Soalan No. 9 Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir).

DOA SELEPAS PERHIMPUNAN DI SEKOLAH

10. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama adakah benar semua penuntut-penuntut Sekolah Menengah Raja Lumu, Klang, Selangor, dipaksa mengambil bahagian berikrar secara sembahyang Islam tiap-tiap hari Isnin. Adakah peristiwa ini diarahkan oleh Jabatan atau Kementerian Pendidikan. Adakah sembahyang Islam ini akan diperluaskan kepada semua sekolah di Selangor dan di seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penuntut-penuntut Sekolah Menengah Raja Lumu, Klang, Selangor tidak dipaksa mengambil bahagian berikrar secara sembahyang Islam pada tiap-tiap hari Isnin. Walau bagaimanapun, membaca doa selepas perhimpunan

sudah menjadi amalan yang lama bagi pelajar-pelajar beragama Islam dan diterima dengan baik oleh mereka di sekolah tersebut.

Kementerian Pendidikan ataupun Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan tidak ada mengeluarkan sebarang arahan rasmi mengenai bacaan doa di semua sekolah.

Tuan Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apakah Kementerian berkenaan sedar bahawa soalan ini adalah soalan yang amat sensitif, kerana Islam tidak boleh memaksa penuntut-penuntut yang bukan Islam supaya berikrar sembahyang secara Islam, sebab tidak ada paksaan di dalam Islam. Kalau sedar, apakah Menteri yang berkenaan bersetuju bahawa Yang Berhormat yang membuat soalan ini berhasrat untuk menimbulkan permusuhan di antara penganut agama Islam dengan penganut-penganut agama lain dalam negara ini.

Soalan kedua, apakah Kerajaan akan menutup kesemua 60 buah SRJK(C) daripada 1,200 buah yang memulaukan kelas semalam kerana tidak mengikut arahan.

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya, kedua-dua soalan itu tidak bersangkutan dengan soalan asal.

Tuan Chua Jui Meng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, sama ada beliau sedar akan Artikul 12, Klaus 3 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan, "tidak sesiapa pun boleh diwajibkan mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama yang lain daripada agama sendiri". Jika Yang Berhormat sedar dan memandang isu ini sensitif dalam pembacaan ikrar oleh murid-murid sekolah yang *mengandung unsur-unsur agama yang berlainan* dari agama mereka sendiri

pernah berlaku dalam negara ini, adakah Menteri Pendidikan akan menyedarkan semua Pengarah Pendidikan Negeri dan Guru-guru Besar mengenai hak Perlembagaan ini agar mereka tidak akan menjejaskan hak Perlembagaan murid-murid tersebut.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, saya sedar.

Untuk menjawab soalan yang kedua itu, Kementerian Pendidikan sekarang sudah mengadakan satu deraf ikrar yang seragam yang dapat diterima oleh semua penuntut-penuntut dan murid-murid di semua sekolah di negara kita ini dan deraf ini akan dikemukakan untuk dipertimbangkan dan selepas itu akan dijalankan.

KENAIKAN YURAN PENGAJIAN DI SEBERANG LAUT

11. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah jangka panjang pihak Kerajaan bercadang untuk mengambil atau telah mengambil bagi membantu pelajar-pelajar dari Malaysia luar negeri yang sedang mengalami masalah akibat dari kenaikan kadar tuisyen tahun demi tahun.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan yuran pengajian yang dikenakan oleh negara-negara asing ke atas penuntut-penuntut Malaysia adalah sesuatu yang di luar kawalan Kerajaan Malaysia. Kenaikan yuran atau sebaliknya yang ditetapkan oleh negara-negara berkenaan adalah bergantung kepada faktor-faktor seperti dasar luar negara-negara berkenaan dan kos pelajaran. Oleh itu, pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negeri mestilah mengambil kira kemampuan mereka untuk membayar yuran pengajian yang dikenakan oleh

sesebuah negara itu sebelum memutuskan untuk melanjutkan pelajaran di negara-negara berkenaan.

Dr V. David: Taun Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar berjuta-juta ringgit keluar dari negeri kita sebab penuntut-penuntut terpaksa belajar ke luar negeri oleh sebab tidak mendapat tempat di universiti tempatan. Bolehkah kita membina lebih universiti-universiti dan sekolah-sekolah supaya kita boleh memberi pelajaran kepada semua pelajar-pelajar di Malaysia dan tidak pergi ke luar negeri.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan sudah mengambil langkah untuk menambah bilangan murid-murid untuk memasuki universiti tempatan seperti pada tahun sesi 1983/1984 bilangan tawaran 6,890 orang; 1984/1985—7,192; 1985/1986—8,213; 1986/1987—8,595; 1987-1988—9,289 orang.

Tuan Yang di-Pertua, kita yakin kita akan dapat menempatkan tawaran ini jika semua pihak termasuk juga Yang Berhormat semua dapat membayar hasil lebih banyak sedikit.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa penuntut-penuntut apabila pergi belajar di luar negeri patut mengambil kira apakah perbelanjaan yang akan dibiayainya untuk belajar di luar negeri. Saya rasa itu adalah satu sikap yang tidak bersimpati langsung, bercanggah dengan apa Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh hujah.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Berhujah. Yang Berhormat boleh tanya soalan tambahan.

Tuan Lim Guan Eng: Itu soalan saya. Apa yang bos Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Menteri Pendidikan sering menyatakan bahawa kedudukan yang menipu pelajar-pelajar yang malang ini adalah kerana kerajaan-kerajaan luar negeri tidak bersimpati langsung terhadap ekonomi atau keadaan pelajar-pelajar yang tidak membiayai perbelanjaan kerana kenaikan yuran yang terlalu tinggi dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan bahawa dia akan menghantar satu bantahan (potest) kepada sebuah daripada negara itu, iaitu negara Australia dan saya hendak menanyakan sama ada bantahan itu dihantar.

Yang kedua, daripada bantuan yang diberikan, apakah jumlah bantuan dari segi wang yang telah diberikan. Terima kasih.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, protest note sudah dihantar kepada pihak yang berkenaan dan Kementerian Pendidikan sudah menyediakan \$250,000 untuk membantu penuntut-penuntut yang menghadapi masalah di Australia.

PUSAT PEMULIHAN DADAH

12. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah Pusat Pemulihan Dadah yang masih beroperasi di negara ini dan adakah sistem rawatan yang diberi di pusat-pusat ini berkesan. Berapakah bantuan yang diperuntukkan untuk pusat-pusat tersebut dalam tahun 1985, 1986 dan setakat 30-9-87.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

sekarang ini terdapat sebanyak 7 buah pusat pemulihan yang beroperasi sepenuhnya di bawah tadbiran Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri. Manakala 7 buah Pusat Pemulihan Dadah baru sedang berada dalam peringkat akhir pembinaan dan dijangka dapat membuat operasi tidak berapa lama lagi.

Sistem rawatan dan pemulihan yang dijalankan dalam pusat-pusat berkenaan didapati berjalan dengan baik dan berkesan. Perkara ini terbukti kerana sistem kawalan Kementerian ini menunjukkan tahap kejayaan yang terus meningkat bagi bekas-bekas pelatih yang tamat menjalani pemulihan dalam pusat-pusat pemulihan. Kriteria yang digunakan untuk mengukur kejayaan ini adalah agak ketat kerana bekas-bekas pelatih yang dibebaskan dari pusat pemulihan hanya akan dianggap sebagai berjaya apabila mereka tamat menjalani pemulihan dalam pusat pemulihan selama 2 tahun serta mengikuti pula program jagaan lanjutan mandatori selama 2 tahun di luar pusat pemulihan. Untuk tujuan mengukur kejayaan, bekas-bekas pelatih akan dianggap sebagai berjaya apabila mereka tamat jagaan lanjutan mandatori selama 2 tahun dan tidak mengambil semula dadah selama 6 bulan yang terakhir dan telah pun menadapat pekerjaan atau berdikari serta menjadi ahli masyarakat yang berguna.

Jumlah perbelanjaan yang telah dilakukan untuk mentadbir 7 buah Pusat Pemulihan Dadah tersebut adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1985	\$6,603,000.00
Bagi tahun 1986	\$8,322,000.00
Bagi tahun 1987	\$7,647,000.00

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapat tahu bahawa selain daripada Pusat Pemulihan Dadah yang

di bawah Kementerian Dalam Negeri, ada Pusat-pusat Pemulihan Dadah secara private (persendirian). Contohnya di Kuala Lumpur ada suatu Pusat Pemulihan Dadah yang disebut sebagai Baitul Rahmah dan ianya dikatakan telah mengambil penagih-penagih dadah dan dirawat, tetapi dalam masa yang sama telah disebarkan di tempat itu agama Kristian. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat jaminan untuk menyiasat kalau apa yang saya katakan ini mempunyai suatu alasan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memang sedar ada beberapa pusat pemulihan swasta di negara ini, bukan hanya di Kuala Lumpur, tetapi juga di negeri-negeri lain dan juga pusat-pusat pemulihan kecil-kecilan yang dijalankan oleh badan-badan amal yang tertentu.

Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengatakan ada pusat pemulihan yang sambil memulih penagih-penagih dadah tetapi juga meracuni pemikiran mereka dengan ajaran-ajaran agama lain, perkara ini saya kurang pasti dan akan saya siasat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pusat-pusat pemulihan ini makin sehari makin sesak dan dalam pembinaan 7 buah sudah tentu memakan belanja yang banyak. Apakah Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk menggunakan pulau-pulau yang ada dijadikan pusat pemulihan sebab kita berpendapat pulau-pulau ini lebih baik kerana ianya mempunyai bentuk close to the nature, dengan izin, bagi penagih-penagih dadah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun angka bilangan pusat pemulihan ditambah 100%—dahulu ada 7 buah, kita tambah lagi 7 buah, namun perbelanjaannya dapat kita jimatkan kerana kita menggunakan

tenaga penagih-penagih yang sedang berlatih di pusat-pusat yang tujuh yang lama itu untuk mendirikan pusat-pusat yang baru.

Tentang menggunakan pulau-pulau untuk pusat penagihan, ini terpaksa kita kaji, adakah pulau itu bersesuaian untuk bercucuk tanam, untuk berternak dan sebagainya kerana kita hendak melatih penagih-penagih ini supaya berdikari tetapi kalau pulau itu hanya penuh dengan batu-batan adalah tidak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Bernard Giluk Dompok.

(Soalan No. 13 Y.B. Datuk Bernard Giluk Dompok tidak hadir).

LAGU AYO-YO-SAMY

14. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan menganggap Lirik Lagu "Ayo-Yo-Sami" mempunyai niat untuk menyindir Menteri Kerja Raya dan menimbulkan perasaan salah faham dan syak wasangka di kalangan kaum-kaum dan adakah Kementerian menerima sebarang pengaduan dari mana-mana pihak termasuk Pemuda MIC.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri diperuntukkan kuasa dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 untuk melarang apa-apa hasil penerbitan, termasuk pita rakaman suara, jika beliau berpuas hati bahawa hasil penerbitan itu boleh memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan negara, akhlak, kepentingan rakyat, kepentingan negara, perhubungan dengan mana-mana negara atau Kerajaan asing atau berlawanan dengan mana-mana undang-undang negeri itu.

Pada hemat saya, lagu Ayo-Yo-Samy tidak boleh memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan negara, akhlak atau kepentingan rakyat. Oleh yang demikian, lagu itu tidak dilarang penghasilannya, penjualannya, pengeluarannya, penganjurannya atau pemilikannya. Walau bagaimanapun, pada pandangan saya lagu itu boleh dianggap tidak begitu sopan atau dengan lain perkataan, dengan izin, in bad taste.

Yang Berhormat Dato' Samy Vellu telah menunjukkan sikap sporting terhadap lagu itu dan kita patut menyanjungi sikapnya itu.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan. Terima kasih kepada jawapan daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri dan oleh kerana jawabannya dikatakan relax atau lagu Ayo-Yo-Samy tidak ada apa makna untuk menghina sesiapa, adakah Timbalan Menteri berpendapat terhadap satu lagu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan lain tidak boleh.

Tuan Lau Dak Kee: Sorry.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau soalan lain tidak boleh. Soalan yang ada sekarang ialah soalan yang ada di situ.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai lagu ini nampaknya adalah terlalu popular di tanahair kita ini. Jadi oleh yang demikian, adakah Menteri berkenaan bercadang supaya lagu ini dimainkan, diutarakan di RTM di dalam semua programnya?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu bukan soalan kepada Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Hu Sepang: Ada kaitan dengan lagu ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soalan itu tidak patut ditujukan kepada Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Hu Sepang: Baiklah, saya terimalah.

PINJAMAN MEMBELI RUMAH KEDIAMAN—PENGEUCALIAN CUKAI

15. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada dalam menjaga tujuan Kerajaan yang nyata bagi mencapai matlamat demokrasi memilik rumah, beliau akan membenarkan pembeli-pembeli rumah yang menggunakan pinjaman-pinjaman dari bank dan institusi kewangan untuk membeli rumah bagi kediaman sendiri supaya menganggap semua faedah-faedah yang dibayar ke atas pinjaman-pinjaman ini sebagai perkara yang boleh mendapat potongan perbelanjaan apabila mengira cukai yang kena dibayar oleh mereka dan jika tidak, kenapa.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa faedah-faedah yang dibayar ke atas pinjaman-pinjaman bank dan institusi-institusi kewangan untuk membeli rumah bagi kediaman sendiri tidak dibenarkan dipotong sebagai perbelanjaan apabila mengira cukai pendapatan yang kena dibayar oleh seseorang. Ini adalah disebabkan seperti berikut:

- (a) Mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967, perbelanjaan yang dibenarkan dipotong dari pendapatan yang diterima ialah perbelanjaan-perbelanjaan yang menerbitkan pendapatan yang boleh dicukai. Oleh sebab bayaran faedah ke atas pinjaman rumah kediaman sendiri tidak menerbitkan pendapatan yang boleh dicukai, maka ianya tidak dibenarkan

dipotong dari pendapatan yang diterima di dalam pengiraan cukai pendapatan.

- (b) Sewa rumah yang diterima dianggap sebagai pendapatan mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967. Rumah yang diduduki sendiri oleh tuan rumah sebenarnya dapat menerbitkan pendapatan sewa yang boleh dikenakan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun pendapatan sewa yang boleh diperolehi dari rumah yang diduduki sendiri oleh tuan rumah adalah dikecualikan daripada cukai. Dengan itu bayaran faedah ke atas pinjaman rumah berkenaan tidak boleh dibenarkan sebagai perbelanjaan.
- (c) Bagi rumah yang tidak diduduki sendiri—saya ulangi, bagi rumah yang tidak diduduki sendiri—oleh tuan rumah dan disewakan, pendapatan sewa yang diperolehi dari rumah tersebut dikira sebagai pendapatan kepada tuan rumah yang berkenaan dan ditaksirkan di dalam pengiraan cukai pendapatan serta dikenakan cukai. Dengan sebab itu bayaran faedah ke atas pinjaman rumah berkenaan dan bayaran-bayaran lain yang berkaitan dibenarkan dipotong daripada pendapatan sewa rumah tersebut yang diterima.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya dalam jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi beliau tidak dapat menangkap apa yang dimaksudkan di dalam soalan asal itu dan beliau telah pun memberi tiga sebab pokok mengapa faedah yang dibayar oleh pembeli-pembeli rumah yang telah mendapat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan,

dan di mana rumah itu diduduki oleh tuan punya sendiri tidak dapat diberi pengecualian daripada cukai pendapatan. Memandangkan dalam jawapan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Akta tidak membenarkan, adakah pihak Kementerian itu sendiri bercadang untuk membuat pindaan kepada Akta tersebut supaya membolehkan peminjam-peminjam kategori ini iaitu peminjam-peminjam yang meminjam dan membayar faedah atas pinjaman itu bagi rumah yang dibelinya dan didudukinya sendiri diberi pengecualian cukai pendapatan oleh kerana, itu saya rasa adalah sangat logik berbanding dengan pengecualian atas faedah yang diberi kepada orang yang tidak menduduki rumahnya sendiri dengan mendapat pendapatan daripada pinjaman-pinjaman yang diperolehi daripada institusi kewangan seperti bank atau sebagainya untuk membeli rumah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu menyarankan adakah Kementerian boleh meminda Akta tersebut. Pada pendapat saya yang tidak arif ini sebarang pertukaran atau amendment, dengan izin, sebarang Akta tidak boleh dibuat oleh mana-mana Kementerian, tetapi di dalam Parlimen ini.

Tuan P. Patto: Beliau boleh mencadangkan atau tidak di dalam Parlimen!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh, tidak ada bersoal jawab antara kedua. Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 9, 13 dan 16 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).

GRADUAN MENGANGGUR— SAMBUTAN

7. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pendidikan memberitahu apakah sambutan yang diberi oleh pihak swasta berhubung dengan soal mendapat pekerjaan bagi lulusan universiti (graduan-graduan) yang menganggur dan setakat manakah usaha Kementerian dapat dipastikan bagi menolong mereka dalam hal yang sama dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha membantu mengurangkan masalah pengangguran, beberapa buah syarikat swasta telah memberi kerjasama yang menggalakkan dengan mengambil sebilangan pemegang-pemegang Basiswa Persekutuan bekerja secara tetap atau sebagai pelatih di syarikat-syarikat mereka. Di antara syarikat-syarikat yang sering mengambil calon-calon daripada pemegang biasiswa JPA ialah Syarikat-syarikat Elektronik Amerika (Malaysian American Electronic & Industries) dan syarikat-syarikat British (British Malaysian Industries Trade Association) dan lain-lain. Sehingga sekarang seramai 315 orang pemegang biasiswa Persekutuan telah ditempatkan di syarikat-syarikat berkenaan.

Jabatan ini akan terus berusaha mendapatkan kerjasama daripada syarikat-syarikat swasta yang lain supaya mengambil sebilangan pemegang-pemegang biasiswa Persekutuan bekerja di syarikat mereka. Jabatan ini juga akan mengadakan beberapa rancangan latihan di antaranya, seperti Rancangan Latihan Khas, Latihan Kemahiran, Khidmat Sokongan dan sebagainya.

PINJAMAN PROJEK DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah Negara memerlukan bantuan modal (pinjaman projek) dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) berbanding dengan pinjaman projek sebenar bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME). Nyatakan jumlah pinjaman dijangka diperolehi daripada sumber berbagai hala khususnya Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Pembangunan Islam. Apakah jenis dan bentuk projek yang diutamakan untuk dilaksanakan daripada pinjaman berkenaan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Jumlah pinjaman projek dari luar negeri yang diramalkan untuk Rancangan Malaysia Kelima (RML) ialah \$2,963 juta berbanding dengan \$3,663 juta yang digunakan oleh Kerajaan Malaysia dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) iaitu berkurangan sebanyak 19.1%. Ini adalah kerana Kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaannya memandangkan kepada kedudukan ekonomi negara dan juga pinjaman yang diperlukan itu telah dapat digantikan dengan pinjaman dari sumber dalam negeri.

Pecahan pinjaman projek mengikut sumber pembiayaan bagi RML ialah seperti berikut:

(a) Bank Dunia	\$829 juta
(b) Bank Pembangunan Asia	\$672 juta
(c) Pinjaman Dua Hala	\$1,162 juta
(d) Kredit Pembekal . .	\$300 juta
	<hr/>
	\$2,963 juta

Untuk makluman Yang Berhormat, pembiayaan dari Bank Pembangunan Islam (IDB) lebih merupakan

sumbangan ekuiti, sewa pajak dan pembelian ansuran yang banyak melibatkan sektor swasta. Pinjaman projek kurang diutamakan oleh IDB memandangkan Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang sudah maju.

Pinjaman projek adalah diutamakan untuk diguna bagi pelaksanaan projek-projek seperti berikut (mengikut keutamaan):

- (1) Pertanian
- (2) Sosial
- (3) Infrastruktur
- (4) Kemudahan Awam
- (5) Keselamatan
- (6) Industri

GURU-GURU UTS DI SABAH

13. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan guru-guru UTS di Sabah yang telah disahkan di dalam jawatan mereka sejak kelonggaran syarat dalam bulan Ogos, 1986 serta bilangan guru-guru sedemikian yang belum disahkan.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai daripada 1-1-1980 guru-guru UTS Sabah telah diserapkan ke dalam Sekim Perkhidmatan Pegawai-pegawai Pelajaran mengikut Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Bil. 12 Tahun 1979. Untuk disahkan ke dalam jawatan, mereka dikehendaki memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuklah lulus dengan kepujian mata pelajaran Bahasa Malaysia peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun pada 23hb Oktober, 1986 Kerajaan telah melonggarkan syarat Bahasa kepada mereka yang dilantik sebelum 1-8-1986, iaitu daripada syarat kepujian kepada syarat lulus sahaja. Sehingga ke masa

ini Jabatan Pendidikan Sabah telah memperakukan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran seramai 91 orang bekas guru-guru UTS Sabah untuk disahkan ke dalam jawatan mengikut kelonggaran syarat tersebut. Daripada jumlah itu, 80 orang telah pun diluluskan permohonan mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendidikan Sabah masih lagi menerima dan memproses sebilangan permohonan daripada bekas guru-guru UTS Sabah untuk diperakukan ke pihak Suruhanjaya bagi maksud yang sama.

MATA PELAJARAN PILIHAN DI UNIVERSITI MALAYA

16. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa beliau tidak campurtangan dalam kontroversi keputusan UM untuk menggantikan kegunaan bahasa ibunda dalam mata pelajaran pilihan memandangkan timbulnya kerisauan yang banyak dari ahli pendidik bahasa ibunda dan organisasi kebudayaan tentang keputusan ini.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang sama telah pun dijawab semasa menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu pada 12 Oktober, 1987. Saya tidak bercadang menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

JABATAN PERIKANAN DAN PELAYARAN DI UNIVERSITI PERTANIAN

17. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang supaya satu Jabatan Perikanan dan Pelayaran (Department of Fishery and Nautical Studies) ditubuh di Universiti Pertanian, Bintulu; jika ya, adakah Kerajaan bercadang supaya menerima bantuan daripada United Nations atau Commonwealth Development untuk

melatih rakyat kita dalam bidang perikanan memandangkan United Nations telah pun menubuhkan industri perikanan di negara Ghana, Nigeria, Senegal, Sri Langka, India dan lain-lain. Jika tidak, mengapa.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Pertanian Malaysia telah pun mempunyai Fakulti Perikanan dan Sains Samudera di Kampus Pusat Serdang dan tidak bercadang untuk menubuhkan satu Jabatan yang sama di Bintulu.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE ENGLAND, RUSSIA DAN HUNGARY

18. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Luar Negeri menyatakan faedah-faedah yang telah diperolehi oleh Malaysia dari hasil lawatan ke negara Soviet Russia baru-baru ini, apakah Soviet Russia boleh memberi keuntungan yang besar kepada perdagangan kepada Malaysia jika apa yang diperbincangkan itu diperolehi secara jujur dan ikhlas. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memerialisasikan matlamat tersebut.

26. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan berikutan dengan lawatan Perdana Menteri ke tiga buah Negara Eropah iaitu England, Russia dan Hungary baru-baru ini dan berikutan dengan rundingan beliau dengan Pemimpin Russia adakah Malaysia bercadang untuk membeli senjata buatan Russia dan jika ia, apakah jenis-jenis senjata itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Jawapan bagi soalan ini telah saya sampaikan semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang) pada 12th Oktober, 1987.

PENSWASTAAN MAKMAL UBAT DAN SETOR

19. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan setakat peringkat manakah urusan penswastaaan perkhidmatan dan sektor farmasitikal Kementerian telah dicapai; sama ada Kementerian telah diarah memberi pertimbangan serius terhadap tawaran penswastaaan yang dibuat oleh UEM, dan sama ada semua organisasi dan sektor akan dirunding terlebih dahulu sebelum satu keputusan dasar dibuat mengenai penswastaaan tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Selaras dengan dasar penswastaaan yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang, cadangan-cadangan penswastaaan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu sentiasa diberi pertimbangan, termasuk cadangan-cadangan daripada sektor swasta.

Kemungkinan menswastakan Makmal Ubat dan Stor Kementerian Kesihatan, pada masa ini adalah di peringkat kajian (feasibility study) oleh Syarikat United Engineers (M) Bhd. Kerja-kerja mengenai perkara ini adalah diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan hanya dapat memutuskan sama ada perkhidmatan ini sesuai diswastakan atau tidak selepas menerima hasil kajian itu dan dikaji oleh semua pihak yang ada berkaitan.

BUKU PANDUAN PEMBANGUNAN DAERAH

20. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah matlamat "Buku Merahdua" atau "Buku Panduan Pembangunan Daerah" yang telah dilancarkan baru-baru ini.

- (b) apakah corak pendekatan yang akan digunakan untuk membangun tanah terbiar di seluruh negara berdasarkan "Buku Merah Dua".

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (a) Buku Merahdua atau Buku Pembangunan Daerah mempunyai 4 matlamat seperti berikut:

- (1) Menggerakkan aktiviti ekonomi di peringkat daerah ke arah membantu pertumbuhan ekonomi negara;
- (2) Menggembeling dan menyelaras semua agensi Kerajaan di peringkat daerah ke arah membangunkan daerah dengan lebih persepadu untuk mendapatkan faedah yang setinggi-tingginya dengan kos yang serendah-rendahnya;
- (3) Menggembeling sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan penduduk tempatan supaya berganding bahu dengan agensi-agensi Kerajaan untuk membangunkan daerah; dan
- (4) Meningkatkan kecekapan dan melicinkan lagi jentera pentadbiran untuk mempercepatkan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan dan untuk memberikan perkhidmatan yang sebaik-baiknya kepada rakyat.

- (b) Di bawah "Merahdua", langkah pertama yang perlu

diambil berkenaan tanah terbiar adalah untuk memastikan dengan tepat lokasi, saiz dan tuannya tanah-tanah terbiar. Ini adalah penting untuk menyediakan perancangan yang sebaik-baiknya untuk kawasan yang terlibat, terutama dari segi jenis tanaman dan corak pembangunan yang sesuai dijalankan.

Buat masa ini ada dua agensi utama yang memajukan tanah-tanah terbiar, iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk sawah terbiar yang sesuai dipulih dengan padi dan FELCRA untuk sawah terbiar dan tanah bukan sawah yang terbiar yang sesuai untuk dipulih dengan tanaman-tanaman selain dari padi. Perlu juga saya tegaskan bahawa di dalam usaha pemulihan tanah-tanah terbiar yang dijalankan oleh kedua-dua agensi Kerajaan ini, tuan-tuan punya tanah adalah digalak untuk melibatkan diri dalam perjalanan projek supaya di samping mendapat hasil dari tanah yang akan dimajukan semula. Mereka juga boleh mendapat upah dari kerja-kerja yang dijalankan. Tanah-tanah terbiar biasanya lebih sesuai dimajukan secara perladangan berkelompok untuk mendapat pulangan yang maksimum berasaskan ekonomi bidangan.

Tanah terbiar boleh juga diusahakan oleh siswazah-siswazah yang berminat dalam pertanian atau usahawan-usahawan tani secara individu atau berkumpulan. Syarat-syarat perjanjian antara tuan tanah dan pengusaha-pengusaha ini terpulang kepada persetujuan kedua-dua pihak.

FELDA—PROJEK PEMBANGUNAN TANAH DI KAPIT

21. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah menyatakan langkah yang akan diambil untuk membuka lebih banyak skim FELDA atau Mini Skim untuk Sarawak terutama sekali di kawasan bahagian luar bandar seperti di kawasan Kapit.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dengan kerjasama FELDA, Jabatan Ukur Negeri Sarawak dan Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak (Pelita) telah membincang serta menyiasat beberapa kawasan yang dikira sesuai untuk dimajukan sebagai kawasan projek pembangunan tanah FELDA. Sehubungan dengan ini, pihak Kementerian telah mengenalpasti dua kawasan iaitu di Similajau seluas kira-kira 132,000 hektar dan juga kawasan di Beluru seluas kira-kira 63,000 hektar, yang didapati sesuai dan boleh dimajukan. Pihak FELDA pada masa ini sedang mengkaji dengan lebih "detail" lagi kesesuaian kawasan-kawasan berkenaan dari segi tanahnya dan juga untuk menentukan kawasan-kawasan ini tidak terlibat dengan tanah yang telah diberi hakmilik ataupun tanah yang ada native customary rights.

Permohonan untuk mendapatkan kawasan ini telah pun dibuat kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan kerjasama pembangunan akan dilaksanakan sebaik sahaja kawasan tersebut diluluskan kepada FELDA. Selain daripada kawasan-kawasan itu, Kementerian, FELDA dan juga pihak Pelita sedang mengadakan perbincangan lanjut untuk mengenalpasti kawasan-kawasan lain

termasuk Kapit yang boleh dimajukan sebagai kawasan projek FELDA.

PEMILIK RUMAH TANAH EVERGREEN—SURATAN HAKMILIK

22. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau telah menerima aduan-aduan daripada pemilik-pemilik rumah kediaman dan kedai di Taman Evergreen, Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur mengenai surat hakmilik yang masih belum diperolehi oleh mereka. Jika ada, apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian supaya pemilik-pemilik tersebut dapat diperolehi surat hakmilik berasingan dengan awalnya.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada menerima aduan-aduan daripada pemilik-pemilik rumah Taman Evergreen, Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur mengenai surat hakmilik berasingan yang belum diperolehi oleh mereka.

Kementerian telah menyiasat aduan tersebut dan didapati masalah itu timbul kerana pemaju tidak sanggup menjelaskan bayaran premium tambahan sebanyak \$343,712.50 dan sekarang permohonan untuk tukar syarat dan pecah sempadan itu telah pun terbatal. Selain dari itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil pemilik rumah bagi membincangkan masalah hakmilik berasingan yang mereka hadapi.

Oleh kerana perkara ini adalah di luar bidangkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, masalah ini telah dirujuk kepada

Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan untuk tindakan.

SENJATA—PEMEGANG LESEN

23. **Datuk Kadoh Agudong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah menjadi satu peraturan bagi pihak berkuasa Polis merampas senjatapi milik pewaris tanpa memberi sebarang notis pemberitahuan. Untuk makluman Menteri, perkara ini berlaku apabila seorang pewaris datang membaharui lesen. Juga adakah Menteri itu sedar bahawa di Sabah khasnya di kawasan saya, proses pindah milik senjata api kepada pewaris mengambil masa bertahun-tahun. Sila jelaskan berapa lamakah sebenar proses pindah milik yang sepatutnya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila seseorang pemegang lesen senjatapi itu meninggal dunia, maka lesen senjatapinya adalah terbatal dengan sendirinya. Senjatapi tersebut pula bukanlah menjadi hak milik yang boleh dipusakai secara otomatik oleh pewarisnya. Sebaliknya adalah menjadi tanggungjawab pewarisnya itu untuk mendepositkan senjatapi tersebut dengan secepat mungkin ke balai polis yang berhampiran. Jika pewaris ingin memiliki senjatapi tersebut, beliau dikehendaki mengemukakan permohonan baru atas namanya sendiri untuk dipertimbangkan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh senjatapi itu didepositkan. Sekiranya permohonan tidak dibuat dalam tempoh 6 bulan, senjatapi tersebut akan menjadi hak Kerajaan.

Bagi Negeri Sabah, permohonan tukar milik senjatapi biasanya diselesaikan dalam tempoh 6 bulan. Cuma sebahagian kecil sahaja permohonan yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh itu.

Setakat ini, tidak ada permohonan yang diselesaikan mengambil masa melebihi daripada 24 bulan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kes yang mengambil masa di antara 1 tahun hingga 2 tahun tetapi ianya adalah jarang-jarang berlaku. Kelewatan ini pada lazimnya adalah kerana permohonan itu perlu disiasat dan dikaji dengan teliti oleh pihak Polis dan Jabatan-jabatan lain yang berkenaan di peringkat daerah dan negeri. Ada juga kelewatan yang berpunca dari kegagalan atau kelewatan pemohon memberi maklumat-maklumat yang lengkap seperti surat mentadbir pesaka, salinan hak milik tanah, pertukaran alamat dan sebagainya. Saya percaya jika pemohon-pemohon dapat memberikan maklumat yang lengkap dan kemaskini, insya Allah masalah kelewatan seperti ini akan dapat diatasi.

NAJIS DADAH—PELAJAR YANG TERLIBAT

24. **Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) berapa ramaikah pelajar-pelajar sekolah Menengah yang terlibat dengan najis dadah bagi tahun 1985, 1986 dan 1987;
- (ii) pihak manakah yang diberikan kebenaran atau kuasa untuk mengadakan ujian air kencing terhadap pelajar-pelajar Sekolah, Kolej dan Universiti yang disyaki terlibat dengan dadah.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (i) Bilangan pelajar-pelajar sekolah menengah yang terlibat dengan najis dadah

bagi tahun-tahun 1985, 1986 dan 1987 adalah seperti berikut:

1985—118 orang

1986—240 orang

1987—pelajar yang terlibat sehingga Ogos 1987 ialah seramai 285 orang.

- (ii) Dalam hal yang berkaitan dengan kebenaran atau kuasa untuk mengadakan ujian air kencing terhadap pelajar-pelajar sekolah, hanya pegawai-pegawai yang terlibat dalam Akta 283 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 sahaja yang dibenarkan mengadakan ujian air kencing terhadap pelajar-pelajar sekolah. Pegawai-pegawai itu ialah Pegawai Pemulihan Dadah, Pegawai Kebajikan Masyarakat, Pegawai Polis yang berpangkat sarjan ke atas, pegawai penjaga balai polis (OCS) dan Pegawai Perubatan (Doktor).

BALAI BOMBA DI SIPITANG

25. Datuk Kadoh Agundong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang untuk mewujudkan perkhidmatan Bomba di Daerah Sipitang. Untuk maklumat Menteri, perkhidmatan tersebut amat diperlukan memandangkan Daerah Sipitang kini pesat membangun dan mempunyai penduduk yang ramai lebih-lebih lagi terdapatnya sebuah kilang kertas Sabah Forest Industry.

Tuan Haji Hashim bin Ahmad: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, ingin saya maklumkan bahawa buat masa ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bercadang mengadakan Balai Bomba di Daerah Sipitang.

(Soalan No. 26. Sila lihat jawapan No. 18).

ANGGOTA KABINET— MELEPASKAN JAWATAN SYARIKAT

27. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauhmanakah keberkesanan arahan Perdana Menteri supaya anggota-anggota Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen melepaskan jawatan dan lain-lain kepentingan peribadi dari sebarang syarikat apabila mereka memegang jawatan Kerajaan itu; dan
- (b) apakah pemegang amanah (nominee) bagi mana-mana syarikat tidak termasuk dalam arahan itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):

- (a) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang mengawasi bahawa semua arahan yang dikeluarkan kepada Ahli-ahli Pentadbiran adalah dipatuhi dengan memuaskan.
- (b) Arahan tersebut adalah dikenakan kepada Anggota Pentadbiran sahaja.

WARGANEGARA YANG MENINGGALKAN MALAYSIA

28. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan jumlah warganegara kita yang lari meninggalkan Malaysia dalam masa negara kegentingan selepas peristiwa 13hb Mei 1969 dan selepas diadakan kerahan tenaga

rakyat. Apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya peristiwa yang sama tidak berulang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak dapat meninjau apa yang tersirat dalam hati seseorang yang keluar meninggalkan negara ini. Sesiapa sahaja yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan dibenar memasuki mana-mana negara lain adalah bebas untuk keluar meninggalkan negara ini bagi apa juga tujuan.

Kerajaan hanya mengawasi dan mengawal kemasukan orang-orang ke negara ini, sama ada seseorang itu adalah orang asing atau warganegara Malaysia. Bagi seorang warganegara Malaysia yang hendak memasuki semula negara ini, ia hendaklah memberi bukti bahawa ia adalah seorang warganegara dengan menunjukkan dokumen perjalanannya.

Perjalanan warganegara-warganegara Malaysia keluar negeri tidak dihiraukan sangat oleh Kerajaan kecuali mereka hendak melawat negara-negara yang ditegah dan ingin balik semula ke negara ini atau mereka diperintah oleh mahkamah supaya tidak meninggalkan negara ini. Oleh itu, Kerajaan tidak ada rekod warganegara Malaysia yang keluar meninggalkan negara ini.

KEHAKIMAN—KAJIAN SEMULA

29. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan apakah pandangan dan pendirian Kerajaan mengenai adanya hakim-hakim di negara ini yang menyuarakan pendapat mereka secara terbuka mengenai pergolakan politik di negara ini, pada hal sepatutnya mereka adalah berkecuali dalam perkara tersebut. Adakah Kerajaan akan mengkaji semula mengenai Perjawatan Kehakiman di negara ini

supaya ianya boleh ditegur dan sebagainya. Atau apakah cara lain lagi bagi mengatasi perkara tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Kerajaan berpendapat adalah tidak bijak bagi seseorang Hakim menyuarakan pendapatnya secara terbuka mengenai pergolakan politik di negara ini.

Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula Perjawatan Kehakiman. Ini tidak bermakna bahawa sebarang tindakan tidak boleh diambil terhadap seseorang Hakim yang telah menyeleweng atau atas apa-apa sebab didapati tidak layak lagi menjadi Hakim. Perkara 125 (2) dan (3) perlembagaan Persekutuan membenarkan seseorang Hakim dipecat dari jawatannya dalam keadaan, antara lainnya, ia didapati tidak layak menjadi seorang Hakim.

MEMBELI BARANGAN BRITISH AKHIR SEKALI

30. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab benar yang menyebabkan beliau mengubah fikiran "membeli barangan British Akhir Sekali" dan sama ada sekarang beliau menimbangkan meminta rakyat Malaysia membeli "barangan British pertama sekali."

Tuan M. G. Pandithan Kerajaan telah menimbang semula dasar "membeli barangan British akhir sekali" disebabkan Kerajaan adalah berpuashati di atas sambutan positif yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan British terhadap isu-isu dua-hala Malaysia-British dan isu-isu antarabangsa.

Dasar dan amalan perdagangan bebas negara adalah masih lagi diamalkan di dalam sistem ekonomi negara ini, di mana kriteria kecekapan

pengeluaran dari segi mutu dan harga adalah menjadi pertimbangan. Justeru itu cadangan untuk meminta rakyat Malaysia membeli "barangan British pertama sekali" tidak harus timbul.

Di masa ini dan juga di masa-masa hadapan, Kerajaan adalah lebih menggalakkan rakyat Malaysia membeli barangan buatan tempatan di mana kempen "belilah barangan buatan Malaysia" yang dimulakan pada 1985 akan diteruskan dan dipertingkatkan lagi. Ini adalah bertujuan untuk menambahkan lagi kesedaran pengguna-pengguna tempatan untuk membeli barang-barang keluaran tempatan pertama sekali.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang." (15hb Oktober, 1987).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Nerus, sila sambung.

4.05 ptg.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung semula perbahasan semalam Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara. Sambungan sebutan saya semalam mengenai ahli Panel yang akan dipilih iaitu penglibatan Perdana Menteri.

Rasa pendapat saya tidak begitu perlu sebab Perdana Menteri adalah seorang yang luas tanggungjawabnya dan urusannya, sedangkan ini adalah sebagai satu Kumpulan Wang yang hanya memadai dengan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun hendak buat apa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta Penjelasan? Ya. Hendak beri?

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Beri.

Tuan Yang di-Pertua: Beri, ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kuala Nerus, sebab ada disebut dalam akhbar di mana dalam perbahasan semalam disebut bahawa Ahli-ahli dari Pasir Mas dan juga dari Marang tidak bersetuju dan kononnya Yang Berhormat dari Kuala Nerus tidak bersetuju di atas cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi ahli Panel. Sebenarnya cadangan kita bukan mencadangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi ahli Panel, tetapi mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik ahli-ahli panel ini. Ini satu kesilapan yang perlu diperbetulkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, sila teruskan.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Terima kasih. Itu adalah satu daripada kesilapan yang saya dengar, tetapi kalau itu pun cadangan, dilantik oleh Perdana Menteri sekalipun ahli Panel itu saya rasa tidak begitu setuju, kerana sebagaimana apa yang saya

kata tadi peranan Perdana Menteri ini ialah peranan yang besar, yang besar sahaja. Kalaulah misalan kata sebagai Kumpulan Wang Amanah Negara ini rasa saya memadailah ahlinya dilantik oleh pihak Menteri Kewangan kerana peranan bidang kuasa Menteri Kewangan sudahpun kukuh dan sesuai dengan Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Itu adalah pendapat dan cadangan saya. Selain daripada itu orang-orang yang hendak dipilih sebagai ahli Panel sebai-baiknya tidak usah dipandang kepada pangkat dan keturunannya iaitu kita kenalah memandangkan kebolehan dan keamanahannya. Dengan sebab sesuatu apa sahaja boleh jadi baik sepanjang-panjang perjalanan itu ialah bergantung kepada kebolehan dan keamanahannya.

Kumpulan Wang Amanah Negara ini adalah suatu yang membanggakan rakyat dan membanggakan negara, kerana ini banyak perkara-perkara yang dapat memberi pertolongan masa depan kepada arah-arrah yang baik terhadap rakyat dan negara.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dengan wang ini saya mencadangkan dapat kiranya diberi pertolongan-pertolongan seperti pertolongan kepada bencana-bencana alam ataupun sesuatu keburukan-keburukan yang berlaku, kepada perseorangan-perseorangan seperti ahli-ahli pejuang, askar dan polis yang mati di dalam peperangan ataupun dalam rusuhan-rusuhan, yang mana mereka ini di barisan depan, untuk menjayakan ataupun menyelesaikan satu-satu rusuhan dan peperangan. Maka daripada wang ini boleh dan patut diberi bantuan secara bonus yang agak membanggakan keluarganya anak isterinya yang berkemalangan itu.

Untuk menambahkan subur dan besar wang kumpulan ini, saya

mencadangkan sebaik-baiknya hari ini kita tahu bahawa ada wang-wang simpanan yang kehilangan tuannya seperti di bank-bank di Malaysia ini. Banyak juga wang-wang yang disimpan oleh orang-orang yang tidak dapat lagi hendak dikesan seperti orang-orang yang berhijrah di masa lampau, bermukim di negara Malaysia ini, mereka ini ada menyimpan wang-wang mereka di bank-bank dalam negara ini. Maka hingga kini sampai bertahun-tahun, 7-10 tahun tidak dapat dikesan, tidak tahu siapa yang miliki wang itu walaupun ada namanya, tetapi tidak tahu di mana, tidak dapat dihubungi. Maka didapati wang-wang sebegini adalah banyak di bank-bank dalam negara kita maka wang-wang ini alangkah baik sekiranya pihak Kerajaan menarik wang ini, dimasukkan menjadi wang Kumpulan Wang Amanah Negara.

Begitu juga harta-harta di negara kita ini banyak juga di antara harta-harta yang ditinggal oleh orang-orang yang bermukim di negara Malaysia. Misalnya, semenjak masa penjajah dahulu ada mereka meninggal harta seperti tanah, rumah dan sebagainya begitu lama tidak ada sebarang hubungan dengan tuan milik itu ataupun tidak tahu siapakah yang ampunya, tidak dapat dikesan pemilik-pemilik harta ini. Maka alangkah bagusnya harta-harta ini dijadikan harta Kumpulan Wang Amanah Negara, kerana daripada wang-wang ini akan menjadikan pokok ataupun sebagai wang asas bagi wang amanah negara kita, kerana wang amanah negara ini adalah bagi kepentingan umum, seluruh rakyat jelata tidak kira apa bangsa, keturunan asalkan ia rakyat Malaysia.

Saya ucapkan tahniah di atas kemampuan dan hasrat Yang Berhormat Menteri Kewangan yang bersungguh-sungguh semoga ikhlas mengadakan, menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara, kerana ini

adalah suatu yang semoga akan menjadi harta negara dan sebagai asas kuat bagi harta ini agar dapat memberi pertolongan, dapat memberi kesenangan yang membanggakan kepada kita hingga sampai kepada masa-masa yang akan datang.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

4.17 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi Menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara, yang telah dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini pada petang semalam oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang telah mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini satu Akta yang begitu bermakna dan berguna oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mewakili rakyat di dalam peringkat pembangunan negara kita telah sedia maklum betapa pentingnya pembangunan kepada negara kita yang kita cintai.

Saya suka juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan, oleh kerana sumber kewangan untuk tabung ini akan diperolehi daripada sumber petroleum yang kita adakan pada masa sekarang dan sepertimana yang kita telah pun tahu sumber ini akan dijalankan hanya untuk 16 tahun lagi dan akan ditamatkan pada tahun 2003. Tujuan dan makna untuk

menubuhkan tabung ini begitu penting dan saya ingin juga menyokong tujuan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pertama yang telah disentuh ialah berkaitan dengan pembangunan dan apabila Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mewakili rakyat kita di dalam peringkat kampung dan juga peringkat daerah telah tahu, apabila kita mencadangkan apa-apa rancangan pembangunan kepada daerah ataupun kampung ini, setiap kali jawapan daripada Kerajaan ialah kita tidak ada peruntukan untuk menjalankan urusan pembangunan tersebut.

Saya mengharapkan wang amanah ini akan menggantikan kesulitan yang kita sedang hadapi, berkaitan dengan semua tindakan-tindakan pembangunan yang kita akan laksanakan daripada segi bukan sahaja kampung, juga daripada segi daerah dan negara kita.

Seterusnya saya ingin juga merujuk kepada suatu Ucapan Penangguhan yang saya telah sampaikan kepada Dewan yang mulia ini pada 12-3-1987, di mana saya telah juga mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu pihak Kementerian harus mengadakan satu tabung seperti ini untuk menjalankan urusan seperti pembangunan, juga untuk mengganti dasar-dasar yang kita sedang jalankan untuk memenuhi hasrat Dasar Ekonomi Baru pada masa yang akan datang iaitu selepas tahun 1990 ini.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Kewangan cadangan daripada Kementerianya untuk menyumbangkan hanya \$150 juta setiap tahun kepada Kumpulan Wang Amanah ini tidaklah begitu elok oleh kerana untuk mengganti satu sumber petroleum yang akan ditamatkan pada tahun 2003 yang akan datang kita harus memperolehi satu tabung yang

begitu besar oleh kerana apabila sumber petroleum ini akan ditamatkan pada tahun 2003 yang akan datang kita harus adakan lagi satu tabung yang boleh memberi faedah kepada rakyat kita jika kita tidak ada lagi sumber petroleum yang kita sedang gunakan pada masa kini dan saya ingin mencadangkan sekurang-kurangnya \$1,000 juta pada setiap tahun harus dimasukkan di dalam tabung ini untuk kita dapatkan sejumlah lebih kurang \$16,000 juta di dalam masa 16 tahun yang akan datang di mana sumber ini, contribution ataupun capital ini boleh jadi satu modal penting untuk memberi faedah kepada semua rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga cadangkan di sini kita untuk menjalankan urusan oleh Panel untuk memenuhi hasrat yang telah disentuh di dalam Rang Undang-undang ini kita harus menggunakan hanya faedah yang boleh diperolehi daripada modal ataupun capital yang kita akan perolehi daripada Perbadanan PETRONAS dan kita janganlah gunakan capital ataupun modal ataupun sumber yang kita akan dapat daripada Perbadanan Petroleum kita. Dan dengan satu capital yang begitu besar inilah satu modal yang boleh ditentukan untuk generasi akan datang dan Panel yang akan datang telah pun dicadangkan jika tidak menggunakan modal ini, ini boleh jadi satu wang simpanan untuk bukan sahaja generasi kita bahkan generasi yang akan datang pada beribu-ribu tahun akan datang ini apabila sumber petroleum ini akan ditamatkan, kita boleh digunakan satu sumber kewangan yang telah pun diperolehi daripada sumber-sumber ataupun punca-punca daripada petroleum yang akan diadakan untuk 16 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang penting, saya ingin menyentuh ialah berkaitan dengan

Panel yang akan dicadangkan oleh pihak Kementerian Kewangan. Saya berpendapat pihak Panel ini dengan hanya 5 orang Panel ini tidaklah satu Panel yang boleh dikatakan boleh menjalankan urusan di atas satu sumber kewangan yang begitu besar dengan berjuta-juta ringgit ini dan juga bilangan ahli Panel ini juga begitu kurang oleh kerana kita nampaknya ada sahaja 5 orang sahaja ahli Panel ini dan sepertimana pengalaman kita telah menunjukkan di atas beberapa tabung-tabung yang telah dijalankan di mana kita terdapat beberapa penyelewengan-penyelewengan di mana adalah ahli-ahli pengarah dan juga ahli-ahli Panel itu telah pun dituduh di dalam mahkamah.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian ini bilangan ahli-ahli Panel ini harus ditambah kepada satu bilangan yang tidak kurang daripada 10 orang dan 5 lagi ahli-ahli Panel ini harus ditambah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat kita oleh kerana sepertimana kita telah dimaklumkan beberapa Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan juga Ahli-ahli Panel yang telah diadakan di dalam beberapa tabung-tabung lain dan juga syarikat-syarikat, kita dapati ahli-ahli yang tidak dipilih oleh rakyat kita akan menggunakan kuasanya untuk diri sendiri dan bukan untuk rakyat kita dan oleh yang demikian, saya rasa saya boleh juga menyentuh di sini Bank Bumiputra Finance telah pun memulakan kerjanya dengan 4 ataupun 5 orang sahaja di dalam Lembaga Pengarahnya dan kita pun telah sampai kepada satu peringkat di mana semua syarikat daripada Bumiputra Finance kita pun telah dimaklumkan. Dan tidak langsung seperti yang kita telah adakan penyelewengan di lain-lain Panel ini saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini kita harus mengadakan sekurang-kurangnya 10 orang ahli Panel, 5 daripada Ahli-ahli Yang Berhormat

yang telah dipilih oleh rakyat oleh kerana jika berlaku penyelewengan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat saya rasa rakyat kita akan tahu bagaimana boleh keluaran Ahli Yang Berhormat itu daripada Panel tersebut. Dengan kata-kata itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas.

4.26 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semalam dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, kuorum tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ya, Setiausaha, sila bilang. Kita bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih dari 26 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Lebih daripada mencukupi, sila teruskan Ahli dari Bukit Mas.

Tuan Mutang Tagal: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah negara yang sedang membangun di mana asas ekonominya adalah bergantung kepada bahan-bahan utama seperti getah, kelapa sawit, timah, petroleum, gas asli, koko, lada hitam dan lain-lain. Memandangkan harga bahan utama kita yang tidak stabil di pasaran antarabangsa yang seterusnya menjejaskan kedudukan kewangan

dan ekonomi kita dan memandangkan bahawa simpanan minyak petroleum dan gas asli akan habis pada tahun 2002 dan 2015 masing-masing, penubuhan Kumpulan Wang Amanah Negara ini menunjukkan kebijaksanaan dan pandangan jauh Kerajaan dalam konteks keperluan untuk menjimatkan dan menyimpan sebahagian daripada hasil-hasil eksploitasi sumber-sumber asli yang berkurangan untuk generasi kita yang akan datang.

Dalam perkara ini kita perlu mempelajari daripada sejarah dan daripada pengalaman setengah-setengah negara lain yang terlambat dan kurang berwaspada dalam pengurusan dan perbelanjaan hasil-hasil eksploitasi sumber-sumber asli mereka yang menyusut sehingga apabila simpanan sumber-sumber asli mereka habis, habislah harapan negara untuk menambah pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, sementara kita menerima sumbangan daripada badan-badan tertentu seperti Petronas, Kerajaan Negeri dan lain-lain badan, saya menyeru Kerajaan supaya dalam kita mengeksploitasi sumber-sumber asli kita yang kian berkurangan, kita perlu menentukan bahan-bahan mentah yang terdapat daripada sumber-sumber tersebut diproses di negara ini sebelum diekspor untuk menambahkan pendapatan melalui nilai bertambah (value added). Misalnya, minyak petroleum kita perlu diproses sepenuhnya di negara kita sebelum diekspor. Begitu juga dengan gas asli, timah dan galian lain.

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan Petronas sebanyak \$100 juta kepada Kumpulan Wang Amanah Negara ini sebagai permulaan adalah langkah baik sebagai penjaga kepada minyak petroleum dan gas asli negara. *Tepatlah bagi Petronas untuk memimpin dalam perkara ini. Kita*

berharap jumlah ini akan ditambah dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Petronas, MLNG dan ABF di Bintulu harus memberikan sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Negara, ini di bawah Seksyen 5 (1) (e) dan (f) Akta ini, oleh kerana MLNG dan ABF menggunakan sumber-sumber asli kita yang berkurangan, walaupun saham di kedua-dua syarikat ini tidak dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia secara langsung atau tidak langsung. Selain daripada MLNG dan ABF, saya menyeru kepada Kerajaan supaya kontraktor-kontraktor kepada Petronas seperti Shell, EPMI dan lain-lain harus diwajibkan untuk menyumbang ke dalam Kumpulan Wang Amanah Negara ini mengikut Seksyen 5 (1) (e) dan (f) Akta ini, dari keuntungan bersih mereka tiap-tiap tahun, selain daripada sumbangan mereka kepada Kerajaan di bawah perjanjian pembahagian pengeluaran (production sharing contract) yang ditandatangani di antara mereka dengan Petronas.

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan syarikat-syarikat ini daripada keuntungan mereka menunjukkan keikhlasan mereka untuk menyokong Kerajaan dalam perkara ini. Saya menyeru Kerajaan supaya syarikat-syarikat asing yang datang ke negara ini untuk mengeksploitasikan sumber-sumber asli kita yang berkurangan sama ada secara sendiri atau berusaha sama dengan syarikat tempatan harus diwajibkan menyumbang kepada Kumpulan Wang Amanah Negara ini.

Sumbangan mereka ini adalah sumbangan selain daripada royalti ataupun bayaran-bayaran yang mereka bayar kepada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini tidak mempunyai definasi "sumber menyusut" atau

"depleting resource" yang tepat. Memang kita tahu bahawa minyak petroleum dan gas asli dan galian seperti timah dan emas adalah sumber-sumber menyusut, tetapi bagaimanakah dengan kayu balak yang setakat ini hampir-hampir habis dituai oleh kontraktor-kontraktor yang dahaga dan lapar dengan wang. Bagaimana pula dengan ikan-ikan dan kehidupan laut yang menyusut oleh kerana tangkapan ikan di laut dalam kita oleh pihak asing. Adakah mereka ini termasuk di bawah definasi sumber menyusut?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya orang yang menerima hasil daripada pengeksploitasian sumber-sumber ini perlu memberikan sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Negara ini.

Menyentuh tentang Panel Kumpulan Wang Amanah Negara di bawah Seksyen 4, saya khuatir dengan Seksyen ini khasnya Seksyen 4 (5) yang boleh disalahgunakan oleh Panel, memandangkan erti terjemahan Bahasa Malaysia dan Inggeris Seksyen ini yang bercanggah.

Sub-section ini memberikan kuasa kepada Panel untuk membuat kaedah-kaedah dan kuasa untuk mengawalselia prosidingnya. Saya khuatir kaedah-kaedah dan kuasa yang dibuat itu melebihi apa yang dikehendaki oleh Akta ini. Saya menyeru Kerajaan supaya kaedah-kaedah dan kuasa-kuasa yang dibuat oleh Panel ini dipersetujui oleh Jemaah Menteri sebelum digunakan oleh Panel.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang tempoh 10 tahun yang ditetapkan di bawah Seksyen 6 itu dilanjutkan kepada 20 tahun, memandangkan 10 tahun itu adalah singkat. Kita perlu memberi masa yang panjang supaya pelaburan wang yang ada dalam kredit Kumpulan

Wang Amanah Negara ini dapat matang dengan sematang-matangnya.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa pelaburan yang diberikan kepada Panel dalam Seksyen 7 perlu digunakan dengan berhati-hati. Saya bercadang supaya sebelum sesuatu tindakan pelaburan dibuat di bawah kuasa Seksyen ini yang diberikan kepada Panel ataupun yang dibenarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di bawah Seksyen 7 (1) (i) dijalankan, tindakan tersebut perlu diluluskan oleh Kabinet terlebih dahulu. Ini adalah untuk menjaga kebijaksanaan pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara ini.

Mengikut Seksyen 3 (3) Bank Negara Malaysia hendaklah bertanggungjawab atas pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal ehwal Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Saya bercadang tanggungjawab ini harus merangkumi tugas untuk monitor pelaburan di bawah Seksyen 7 yang akan dibuat ataupun dikendalikan oleh Ahli Panel, supaya wang Kumpulan Wang Amanah Negara ini dapat ditadbirkan dengan baik untuk faedah negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.38 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk bangun menyertai sama dalam perbincangan Rang Undang-undang mengenai Kumpulan Wang Amanah Negara yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan sejak petang hari kelmarin.

Banyak sahabat-sahabat dan rakan-rakan saya telah mengambil peluang memberikan beberapa pandangan dan teguran kepada Kerajaan, terutama sekali anggota pihak Kerajaan sendiri.

Saya bangun ini belum tentu sama ada menyokong ataupun menentang Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, dalam peluang ini saya suka menarik perhatian sidang Dewan sekalian agar kita sama-sama mengambil perhatian dan ingat-mengingat di antara satu sama lain dan ini perlu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak nafikan tujuan Kerajaan baik dan Rang Undang-undang ini pun baik tetapi ada beberapa perkara dan beberapa masalah yang perlu diingatkan kepada Kerajaan khususnya kepada Menteri yang berkenaan kerana kalimah "Amanah" yang menjadi ayat kepada Rang Undang-undang ini begitu besar ertinya kepada orang yang bertanggungjawab dan manusia yang beriman. Begitu juga perkataan "Negara" skopnya amat luas dan isi terlampau banyak di dalamnya. Saya tidak hendak menyentuh secara detail di dalam perbincangan tetapi saya akan menyentuh secara umum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tujuan dijelaskan berhubung dengan Rang Undang-undang ini ialah untuk membolehkan terbentuknya Kumpulan Wang Amanah ini dan kemudian meminta kuasa supaya Menteri Kewangan diberi hak untuk melantik pemegang-pemegang amanah yang terdiri 5 orang. Menteri Kewangan juga akan berkuasa penuh untuk menentukan kuasa-kuasa dan tugas Panel Pemegang Amanah itu dari masa ke semasa. Saya tidak dapat hendak bersama-sama, Tuan Yang di-Pertua, dengan mana-mana Ahli Yang Berhormat bangun untuk menyatakan bahawa tujuan Kerajaan adalah baik cuma ada komennya mengapa mereka pertikaikan sesuatu Rang Undang-undang itu termasuklah Rang Undang-undang yang sedang kita bincangkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak benar sejarah di dunia dahulu

dan sekarang ada Kerajaan yang tidak bertanggungjawab antaranya Raja Bersiong dan yang berdekatan sekali dengan zaman kita ini ialah Marcos yang kini berada di Hawaii. Maka saya belum pasti apakah Kerajaan khususnya Menteri Kewangan yang ada bertujuan baik bila mengemukakan Rang Undang-undang ini bila saya mendengar hujah penyokong-penyokong Kerajaan atas Rang Undang-undang ini khususnya yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas. Tetapi saya dapati bahawa Rang Undang-undang ini tidak wajar diletakkan terus di bawah bidang kuasa Menteri Kewangan. Beliau tidak begitu berani untuk menyatakan secara berterus terang yang beliau tidak percaya kepada Menteri Kewangan. Tetapi itulah yang terselit di dalam kandungan ucapannya. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Pasir Mas hendak apa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia beri, boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa cara dia ini cara "pukul curi". (Ketawa) Saya telah menyatakan dengan jelas dan terang pendirian saya dan saya kira apa yang diungkit oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pengkalan Chepa itu tidak lebih daripada sandiwara politik yang lazim kita kenal dengan gaya dan tingkah laku PAS.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Habis dah?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Habis.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tetapi itulah yang terselit di dalam kandungan ucapannya. (Ketawa) Sebagai alternatifnya beliau mahu Panel Pemegang Amanah bertanggungjawab terus kepada Perdana Menteri.

Bagaimanapun saya percaya tidak banyak beza sama ada ia dikawal oleh Menteri Kewangan yang ada ataupun Perdana Menteri yang ada. Keduanya sama sahaja, collective. Walaupun banyak perkara yang diragukan oleh penyokong-penyokong Kerajaan tentang kejujuran cita-cita dan pelaksanaan Rang Undang-undang ini nanti tetapi saya percaya mereka tetap mengatakan setuju atas perkara yang mereka sendiri tidak jelas.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kepercayaan dalam dan luar negeri kepada pimpinan Kerajaan sekarang tidak ada dan oleh kerana UMNO sendiri pun cuma separuh sahaja yang menyokong pimpinan Kerajaan ini, maka apakah salahnya Rang Undang-undang ini tidak diluluskan buat sementara waktu ini. Kumpulan Wang Amanah Negara ini apabila diluluskan akan diletakkan di bawah kuasa Menteri Kewangan. Menteri Kewangan belum dibersihkan lagi namanya. Selain daripada imejnya yang tidak mengembirakan di luar Dewan ini, Menteri Kewangan telah diseret namanya ke balai polis dan ke mahkamah. Kalaupun dipinda Rang Undang-undang ini untuk diletak terus di bawah Perdana Menteri, Perdana Menteri yang ada juga menghadapi masalah yang sama.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sudah diadakan di Balai Polis Jalan Bandar oleh Ketua Pembangkang atas tuduhan bahawa mereka dikatakan ada peranan dalam

pemberian tender projek Lebuhraya Utara/Selatan kepada UEM yang mana UMNO ada kepentingan. Dengan kes ini ternyatalah bahawa kedua-duanya cuba dibabitkan dengan soal jenayah.

Kalau ditakdirkan nanti sabit aduan itu maka mereka adalah penjenayah. Oleh yang demikian perlulah Dewan ini menunggu dulu sementara Polis membuat penyiasatan. Mungkin penyiasatan Polis akan mengambil masa yang lama. Apa boleh buat. Kita terpaksa pastikan yang perkara "Amanah" ini tidak boleh barang seketika juga terletak di bawah tangan orang yang khianat. Sekiranya Kerajaan merasa perlu Rang Undang-undang ini diluluskan sekarang maka Kerajaan hendaklah terlebih dahulu mengarahkan Polis membuat penyiasatan yang segera supaya Dewan ini cepat dapat membuat pertimbangan atas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika yang sama Perdana Menteri juga berada dalam kandang orang salah di mahkamah sekarang. UMNO sendiri telah menyeret ke mahkamah. 11 dari 12 orang yang meminta mahkamah membatalkan keputusan pemilihan pimpinan UMNO pada 24hb April lalu kes ini ditentukan oleh mahkamah. Tarikh perbicaraan kes ini akan ditentukan sedikit hari lagi. Berapa lama kes ini hendak diproses, tentunya tidak memakan masa yang lama sangat. Sekiranya pihak yang menuntut menang, ini bererti UMNO akan mengadakan pemilihan semula. Pemilihan semula belumlah pasti siapa pula yang akan menang.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ada orang bertanya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dulu, hendak tahu apa dia hendak.

Tuan Zubir bin Embong: Penjelasan.

Apa kena mengena UMNO dengan Rang Undang-undang ini? Kalau hendak buat penjelasan, hendak buat makluman dalam Dewan yang mulia ini bukan perkara itu. Sekarang kita sedang membahaskan Rang Undang-undang yang berkaitan dengan Kumpulan Wang Amanah Negara. Tidak ada kena mengena pun dengan kes UMNO dalam mahkamah. Jadi, jikalau kita ini sebagai Wakil Rakyat biarlah kita tahu apa yang kita cakap. Kalau tidak tahu, jangan bercakap.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau dia tidak tahu, biar saya bercakap dulu. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan untuk campur tangan dalam urusan UMNO tetapi saya mahu memperkatakan tentang Rang Undang-undang ini mesti diluluskan dalam bentuk, ia mesti diletakkan di bawah orang yang mendapat penuh kepercayaan. Sekiranya Perdana Menteri yang ada ini tewas nanti, maka Menteri Kewangan yang ada ini pun kena kata "Sayonara", dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, itulah sepatah kata Jepun yang saya tahu sesudah lama duduk di bawah Kerajaan "Memandang ke Timur".

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas hendak apa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia kata boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sebagai seorang Muslim yang baik dalam kita menjunjung cita-cita Islam apakah mengikut syarat-syarat dalam prinsip Islam kita boleh menuduh seseorang tanpa bukti, membuat tohmahan yang bukan-bukan kerana itu bertentangan dengan perjuangan PAS sendiri. Apakah Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bersetuju sebagai seorang Muslim yang baik kita tidak harus mengeluarkan sangkaan jahat yang boleh memburukkan peribadi seseorang sebelum ianya terbukti bersalah ataupun sebagainya. Saya kira tidak wajar sebagai Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, seorang yang saya kira boleh dihormati dari segi peribadinya yang baik tetapi dengar kepada cakap-cakap dia itu memang sudah teruk benar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah menuduh dan saya tidak akan menuduh, sebab tuduhan itu tidak boleh. Cuma saya memberi penjelasan. Tetapi dukacitalah kerana Yang Berhormat itu boleh jadi dia tidak faham mengaji agama. Dan dia cepat peka dengan hujah dari Pembangkang, terutama PAS. Maka sebelum dapat penjelasan dia sudah bangun, tunggulah biar habis dahulu. Saya bimbang takut bangun pula. *(Ketawa)*

Apakala seorang ibu pesan pada anaknya yang hendak ke sekolah, jaga, pergi terus, jangan main di tepi

jalan. Kalau ada motokar berhenti minta hendak bawa, jangan naik, kerana banyak "la-ni" colek dan rogol dan banyak driver ini jahat. Itu tuduhkah, pesanankah kepada anak, tolong jawab? *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat nanti sekejap.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh jawab, sebab saya tidak faham.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau tidak faham, tunggu dahulu. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh berucap, tetapi tidak boleh bersoal-soal. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Oleh kerana Kumpulan Wang Amanah ini mempunyai tanggungjawab yang besar, kita tidak mahu ia barang satu minit juga diletakkan di bawah Menteri Kerajaan sementara yang membuat persiapan untuk meninggalkan Kerajaan. Banyak bahayanya kalau tabung ini diletakkan di bawah Kerajaan yang tidak tetap. Sudah ramai pemimpin-pemimpin yang tidak kukuh melarikan diri dengan membawa semua khazanah negara. Marcos dan Ven Thiu adalah contoh yang terbaik. Orang besar kita adalah manusia biasa juga. Kedudukan mereka tidak kukuh sekarang walaupun mereka masih disambut di sana sini, tetapi mereka ada masalah mahkamah yang perlu dibersihkan dahulu. Atas kesedaran inilah saya tidak dapat menyokong Rang Undang-undang ini pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada beberapa perkara yang perlu diingat. Perdana Menteri pernah menyebut tentang UMNO perlu menyelesaikan

hutang bangunan yang baru yang berjumlah \$360 juta. Dan kalaulah mahkamah nanti mendapati bahawa 11 orang UMNO yang meminta perhimpunan Agung UMNO yang lalu diisytiharkan tidak sah mempunyai asas, maka ini akan memaksa pemilihan pemimpin UMNO akan diadakan semula. Di zaman politik wang menjadi budaya UMNO

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Point of order, Peraturan 36 (1) "Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya bersetuju, Yang Berhormat teruskan ucapan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya membawa hujah, Tuan Yang di-Pertua, untuk meyakinkan sidang Dewan supaya dapat menimbang Rang Undang-undang yang kita hendak luluskan. Di zaman politik wang menjadi budaya UMNO, ia dipercayai akan mengulangi amalan menggunakan wang seperti biasa. Dipercayai "Team A" dalam UMNO memerlukan wang yang banyak untuk memenangi semula pemilihan itu.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti. Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

Tuan Zubir bin Embong: On a point of order.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak izinkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Zubir bin Embong: Apa pula tidak izin. Ini point of order. Kalau tidak tahu, duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa kena duduk, kalau tertib mesyuarat.

Tuan Zubir bin Embong: Ini hendak beritahu Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa—ini point of order. Tadi Yang Berhormat dari Sungai Besi sudah bangun menyebut point of order 36 (1), minta Tuan Yang di-Pertua buat ruling, tetapi masih lagi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bercakap atas perkara yang sama, yang tidak kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Zubir bin Embong: Kalau hendak bercakap, bercakaplah hal ini, Ini point of order. Ini bukan minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya sudah bercakap tadi, saya bersetuju. Bererti Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa teruskan ucapan dengan tidak menyebut perkara yang disebutkan tadi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jadi, bolehkah atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh meneruskan ucapan dengan tidak menyebut perkara-perkara yang disebutkan tadi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan sudah lumrah dengan

berbagai-bagai skandal BMF, UMBC, KWSP dan sekarang skandal UEM, maka seluruh rakyat merasa was-was dengan niat Kerajaan mewujudkan lain-lain tabung kewangan kerana pepatah nasionalis Melayu sudah mengajar kita, kalau anjing tidak makan tahi, tetapi dia mencium juga.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan sendiri ada pengalaman seperti peristiwa dengan Abdullah Ang maka perlulah perlantikan Panel Pemegang Amanah itu seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 4 (2) dalam Rang Undang-undang ini diberikan perhatian serius. Bila kuasa melantik Panel ini diserahkan bulat-bulat kepada Menteri Kewangan, sudah pasti Menteri itu akan mengangkat orang yang dia paling kenal dan paling berkenaan. Sebagai langkah berjaga-jaga supaya Panel tidak bersekongkol dengan arahan Menteri Kewangan, maka saya mengusulkan bahawa perlantikan itu tidak dibuat oleh Menteri Kewangan. Ia dibuat oleh Parlimen atau atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Anggota Panel ini hendaklah terdiri daripada orang yang tinggi taqwanya kerana orang taqwa ini adalah orang yang kenal kebesaran Allah dan tahu akan ajaran Allah bila ia tidak mengendalikan amanahnya yang datang dari Allah itu. Hendaklah dicari mereka yang wataknya seperti bekas Ketua Juru Audit Negara seperti Tan Sri Ahmad Noordin bin Zakaria yang telah melaksanakan tugasnya dengan jujur dan sedia menerima risiko terhadap kejujurannya. Orang seperti ini dicari untuk mengendalikan tugas yang penting.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, apa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak bagi. Dia bagi pula. Boleh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mencadangkan seorang yang taqwa iaitu Tan Sri Ahmad Noordin. Apakah Yang Berbahagia Yusuf Rawa, Presiden PAS itu dengan Tan Sri Ahmad Noordin yang mana yang lebih taqwa. (Ketawa)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Susahlah dia tidak boleh faham sepatah saya cakap. Kalau saya kata Yusuf Rawa

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Simunjan bangun. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh. (Ketawa)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ini oleh sebab tidak menyebelah mana-mana. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Tadi beliau mengatakan bahawa kalau sekiranya Ahli Lembaga Pengerusi dipilih oleh seorang Menteri yang dipertanggungjawabkan maka

kemungkinan dia akan memilih kawannya. Jadi, bagaimana dari pandangan Islam, tidakkah ini buruk sangka terhadap apa yang akan dibuat oleh seorang Menteri dan bercanggah dengan prinsip agama. Macam mana Ahli Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya tidak masuk dalam tuduhan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak masuk dalam apa?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuduhan. Saya tidak menuduh, tetapi biasa amalan berlaku, kawanlah dan orang kenallah yang menjadi utama dalam segala-galanya. Sebab itu saya hujah saya bawa orang yang paling tinggi taqwa. Kalau kawan itu lebih tinggi taqwa, orang kenal lebih tinggi taqwa itu paling baik. Tetapi mana Syaidina Abu Bakar selepas daripada Nabi s.a.w., mana Syaidina Umar selepas Syaidina Abu Bakar? UMNO ini jauh. Saya kira sudah faham.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada lagi, Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ada lagi, tetapi susah fasal gangguan banyak sangat. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu dengar lagi orang-orang mengatakan Malaysia negara kaya-raya tetapi rakyat hidup miskin dan Kerajaan bankrap. Dan ini kita merasai, puncanya, Tuan Yang di-Pertua, pemimpin jahat, tidak beramanah, salahguna kuasa dan suka menipu rakyat. Apakah Kerajaan fikir kalau berlaku penyalahgunaan kuasa selepas Rang Undang-undang ini diluluskan nanti dan bagaimana

jaminan akan diberi kepada orang yang mengintai-intai kesempatan hidup dengan kuasa yang ada di tangannya? Saya bukan bermaksud hendak menuduh sesiapa dengan Rang Undang-undang ini tetapi mengingatkan kembali peristiwa-peristiwa pahit dan kejadian-kejadian yang malang yang telah dirasai oleh rakyat sehingga ke hari ini.

Kalau Rang Undang-undang ini diluluskan, Tuan Yang di-Pertua, untuk memelihara sumber-sumber alam dan mengukuh kedudukan bahan-bahan kekayaan negara supaya tidak kehabisan dan hilang, saya menyokong tetapi sebaliknya kalau bila diluluskan Rang Undang-undang ini menjadi satu kesempatan dan peluang untuk tangan pencuri-pencuri harta negara dan untuk menyuap ke mulut-mulut buaya yang ganas yang tidak pernah kenyang dengan rezeki-rezeki dan makanan-makanan yang halal, maka saya tetap siang-siang lagi menentang Rang Undang-undang ini. Kita tidak harus lupa peristiwa ribuan juta ringgit harta rakyat lesap, beratus-ratus juta ringgit berlaku penipuan, pecah amanah dan rasuah oleh pemimpin-pemimpin negara termasuk menteri-menteri curang dalam Kerajaan telah menghancurkan harapan rakyat dan menghampakan perasaan hati kecil mereka walaupun berkali-kali ditegur dan diberi peringatan melalui Dewan yang mulia ini atau di luar Dewan, namun demikian sikap angkuh dan degil pihak yang bertanggungjawab masih berlaku dengan sewenang-wenangnya.

Oleh kerana Rang Undang-undang ini amat penting bagi kita dan pihak Menteri yang berkenaan tidak memberi gambaran yang begitu jelas dalam menghuraikan tujuan-tujuannya, bahkan ada beberapa fasal dan cerai-an-ceraian kecil yang membimbangkan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kelmarin termasuk Yang

Berhormat dari Bukit Bintang, maka saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini ditangguhkan dahulu buat sementara waktu apa lagi memandangkan kedudukan Kerajaan sekarang tidak teguh dan goyang kerana kes pendakwaan ke atas Perdana Menteri pun masih dalam Mahkamah, biarlah kita tunggu keputusan Mahkamah dahulu dan Menteri Kewangan pun ada sangkut-paut dengan itu.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Padang Serai.

5.03 ptg.

Tuan Chew Kam Hoy (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memberi kepujian kepada pihak Kerajaan kerana kebijaksanaannya berpandangan jauh dalam mengambil langkah-langkah mengurangkan pergantungan negara terhadap barang-barangan utama sebagai sumber hasil. Langkah-langkah sedemikian perlu memandangkan barangan utama seperti petroleum mentah dan bijih timah merupakan sumber-sumber asli yang berkurangan dan merosot.

Cadangan yang dikemukakan untuk menubuhkan satu Kumpulan Wang Amanah Negara merupakan langkah yang baik ke arah menyediakan payung sebelum hujan. Ia juga menunjukkan bahawa para pemimpin negara sedar akan ajaran yang diperolehi dari keadaan ekonomi yang meleset. Rasional di sebalik penubuhan Kumpulan Wang Amanah Negara adalah baik. Kita semua patut memberi sokongan terhadapnya, akan tetapi oleh sebab jumlah wang yang

terlibat begitu besar jumlahnya dalam lingkungan berjuta-juta ringgit, perundangan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara, 1987 patut dikaji dengan teliti supaya penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa tidak wujud bila-bila masa.

Kita tidak mampu mengalami satu lagi skandal seperti Skandal BMF. Pengalaman yang diperolehi dari skandal-skandal yang telah berlaku menunjukkan bahawa terlalu banyak kuasa terletak di tangan seorang berkecenderungan membawa kepada penyelewengan kuasa. Begitu juga dengan tidak wujudnya accountability umum. Penyelewengan kuasa dalam Kumpulan Wang Amanah Negara patut disamakan dengan jenayah pengedaran dadah. Hukuman yang sama patut dikenakan ke atas pesalahnya.

Dalam hubungan ini, saya ingin memberi pandangan saya seperti yang berikut:

- (1) Pihak Pemegang Amanah patut dilantik oleh Parlimen berdasarkan cadangan-cadangan Menteri Kewangan dan bukan dilantik oleh Menteri Kewangan sendiri.
- (2) Akaun Kumpulan Wang tersebut patut diaudit oleh sebuah syarikat perakaunan umum yang diakui. Syarikat perakaunan umum ini mesti dilantik oleh Parlimen berdasarkan cadangan-cadangan Bank Negara Malaysia untuk memastikan accountability umum.
- (3) Hukuman minimum selama 5 tahun patut dijatuhkan ke atas Pemegang Amanah atau Menteri Kewangan yang didapati menyalahgunakan kuasanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap semua cadangan yang dikemukakan

ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

5.07 ptg.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat lain turut sama membahaskan Rang Undang-undang bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kerajaan kerana mempunyai pandangan jauh yang melihat kepentingan negara, kepentingan rakyat dan kepentingan generasi di masa akan datang. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh lain-lain Yang Berhormat bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mewujudkan satu tabung Kumpulan Wang Amanah Negara yang mana hasilnya datang daripada sumber-sumber asli yang telah susut hayatnya seperti petroleum, bijih timah dan gas asli.

Saya ingin membuat beberapa saranan dan pandangan mengenai Rang Undang-undang yang telah dibentangkan dan pendapat saya yang pertama ialah mengenai Panel Kumpulan Wang Amanah Negara sebagaimana yang telah disebut dalam Seksyen 4. Saya berpendapat bahawa saya bersetuju dengan setengah di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa sewajarnya Pemegang-pemegang Amanah ataupun Panel Kumpulan Wang Amanah Negara ini tidaklah dilantik oleh Menteri Kewangan. Ini ialah kerana peristiwa-peristiwa yang lalu yang berlaku di negara kita ini seharusnya dijadikan sebagai teladan di mana kalau kuasa yang begitu besar

dan luas berhimpun kepada satu orang, maka tentulah peluang ataupun kecenderungan untuk melakukan penyelewengan itu akan ada.

Maka oleh sebab itu saya cadangkan bahawa Panel Kumpulan Wang Amanah Negara ini sepatutnya dilantik oleh satu Jawatankuasa yang bebas yang bertanggungjawab secara terus kepada Perdana Menteri di mana Jawatankuasa ini dipilih daripada mana-mana orang yang difikirkan layak dan sesuai, yang mana bertindak bebas dan tidak terpengaruh oleh mana-mana pihak. Ianya merupakan sebagai kumpulan pentadbir untuk mengambil tempat Menteri Kewangan yang telah didefinisikan di bawah Seksyen 2 yang ertinya "Menteri Kewangan" itu digantikan dengan Lembaga Pentadbir. Di bawah Lembaga Pentadbir inilah diwujudkan Panel ataupun Pemegang-pemegang Amanah yang dilantik oleh Lembaga Pentadbir kerana pada pandangan saya Lembaga Pentadbir ini bolehlah bertindak kalau dianggap sebuah syarikat sebagai Board of Directors, dengan izin, dan kumpulan Pemegang-pemegang Amanah ini bolehlah dikatakan sebagai The Management Group kepada tabung Kumpulan Wang Amanah Negara ini.

Perkara yang kedua yang ingin saya sebutkan di sini ialah mengenai seksyen 4 sub-seksyen (3), di mana sub-seksyen (3) ini berbunyi, "Penal hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dan hendaklah melaksanakan apa-apa tugas sebagaimana yang diberikan atau dipertanggungjawabkan oleh Akta ini atau sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Menteri dan boleh melalui suratcara bertulis mewakili kepada mana-mana orang segala atau mana-mana kuasa dan tugas itu".

Pada pandangan saya, sub-seksyen (3) ini telah mewujudkan satu unsur delegation of power, dan saya tidak nampak apakah rasional untuk

mewujudkan kuasa kepada pemegang-pemegang amanah atau panel Kumpulan Wang Amanah Negara ini untuk medelegatikan atau mewakili kuasanya kepada mana-mana orang. Saya juga berpendapat bahawa ianya akan membukakan kepada satu amalan penyelewengan kalaulah ianya diberikan kuasa untuk mewakilkan kepada mana-mana orang. Maka dengan sebab itu seolah-olah pemegang amanah ini boleh cuai dalam tanggungjawabnya dalam melaksanakan tugas dan kewajipan yang telah diamanahkan kepadanya sebagaimana yang disebut dalam Akta ini. Oleh itu saya menyarankan supaya tidak diwujudkan kuasa untuk mewujudkan delegation of power. Maka dengan sebab itu seksyen 4 sub-seksyen (3) ini haruslah dibubarkan.

Perkara yang ketiga ialah mengenai seksyen 4 sub-seksyen (4). Disebutkan di sini ialah, "Maka bolehlah dibayar kepada setiap anggota daripada Kumpulan Wang itu apa-apa elaun, termasuk elaun perjalanan dan elaun sara hidup sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa". Saya kira bagi mereka yang cintakan negara ini, yang ingin membuat jasa, yang ingin menabur jasa kepada rakyat dan negara, maka inilah masanya untuk mereka membuktikan kecintaan, kesetiaan mereka, tujuan serta niat ikhlas mereka. Maka kalaulah dibenarkan pembayaran apa-apa elaun ataupun elaun perjalanan, atau elaun sara hidup dibenarkan dibayar daripada Kumpulan Wang ini, maka saya bimbang perlantikan Lembaga Pentadbir sebagaimana saya syorkan, ataupun Lembaga Pemegang Amanah akan dipengaruhi oleh bentuk kepentingan kewangan.

Maka dengan sebab itu seharusnya kepentingan kewangan ini dijauhkan sama sekali supaya setiap orang yang bekerja untuk memajukan negara, untuk faedah rakyat jelata, seharusnya tidak

dipengaruhi oleh kepentingan kewangan. Tetapi dengan kita membuka seksyen 4 sub-seksyen (4) ini, kita memberi peluang kepada mereka, maka takut akan berebut-rebut di kalangan orang yang ingin menduduki Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Negara ini, sementara lagilah Kumpulan Wang Amanah Negara ini mempunyai satu sumber kewangan yang kukuh dan besar. Maka dengan sebab itu saya mengesyorkan supaya seksyen 4 sub-seksyen (4) ini dihapuskan dan biarlah kita lihat supaya ada rakyat Malaysia yang tampil ke hadapan bekerja dengan penuh dedikasi, bekerja dengan penuh amanah, penuh keikhlasan semata-mata untuk kepentingan negara, kepentingan rakyat jelata seluruhnya. Tambahan lagi, kalau kita lihat Lembaga Pembangunan Amanah ini terdiri daripada seorang Pengerusi itu, saya kira tentulah dipilih daripada orang yang mempunyai kedudukan yang baik, bukan sahaja kedudukan yang baik dari segi moral dan integritinya, bahkan juga mungkin dari segi kewangannya.

Kalau dilihat kepada (b), Timbalan Pengerusi merupakan seorang pegawai di Kementerian Kewangan. Maka sudah tentulah pegawai di Kementerian Kewangan itu adalah seorang pegawai kanan dan sudah tentulah kalau dia seorang pegawai kanan dia sudah mempunyai satu pendapatan yang agak stabil dan pendapatan yang sudah agak mencukupi. Begitulah juga dengan seorang pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri, begitu juga dengan dua orang yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan dan kewangan. Sudah tentu kita tidak akan memilih orang yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan dan kewangan ini sebagai orang yang bankrap perniagaannya, tentulah orang yang kedudukan perniagaannya kukuh, kewangannya kuat. Maka

apalah maknanya kalaulah yang sudah begini dengan kedudukan kewangan yang baik, kita tambahkan lagi dengan bayaran-bayaran yang tidak sepatutnya diberi, seperti bayaran elaun perjalanan, elaun sara hidup dan apa-apa elaun yang dibenarkan. Maka sekali lagi saya mengesyorkan supaya seksyen 4 sub-seksyen (4) ini dihapuskan.

Yang keempat, ialah mengenai seksyen 5 (1) (b) iaitu sumbangan daripada Petroleum Nasional Bhd. kepada Kumpulan Wang ini. Saya merasakan bahawa PETRONAS, dengan ringkasnya, adalah merupakan satu badan yang terkuat dari segi kewangan di negara kita sehingga ada orang mengatakan bahawa PETRONAS ini merupakan satu Kerajaan di dalam sebuah Kerajaan. Saya merasakan hasil minyak, hasil gas asli yang diperolehi oleh PETRONAS selama ini adalah merupakan milik bersama seluruh rakyat Malaysia, tidak kira apa rupa bangsanya, apa rupa kepercayaannya, apa rupa agamanya, ialah milik bersama, milik seluruh rakyat Malaysia. Maka dengan sebab itu kalau PETRONAS mempunyai perasaan ini yang tidak menganggapkan bahawa selama ini keuntungan yang diperolehi oleh mereka bukan keuntungan mereka, sebenarnya keuntungan seluruh rakyat Malaysia. Maka dengan sebab itu mereka haruslah membuat sumbangan.

Sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan sumbangan itu hanya berjumlah \$100 juta sahaja. Saya merasakan jumlah ini adalah terlalu kecil kalau dibandingkan dengan pendapatan kasar PETRONAS. Saya diberitahu bahawa PETRONAS dalam budget tahunannya melebihi budget tahunan sebuah negeri di Malaysia ini. Maka dia lebih menampakkan sebagai sebuah Kerajaan. Maka dengan sebab

itu, saya mengesyorkan supaya sekurang-kurangnya amaun yang minima yang mesti disumbangkan oleh PETRONAS kepada tabung ini tidak kurang daripada \$150 juta setahun. Itulah sumbangan yang minima dan sumbangan ini hendaklah dikaji dari masa ke semasa melihatkan kepada pendapatan serta keperluan PETRONAS itu sendiri. Tidak ada maknanya kalau PETRONAS membuat keuntungan yang besar sedangkan rakyat jelata tidak mendapat hasil, tidak memperoleh dan tidak mengecapi keuntungan itu.

Sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa ini adalah milik bersama, milik seluruh rakyat, maka hendaklah ia dikembalikan kepada rakyat melalui saluran yang tertentu dan saluran yang tertentu sebagaimana yang dibentangkan dalam Parlimen ini ialah Kumpulan Wang Amanah. Sebab itu saya syorkan supaya jumlah minima yang mesti disumbangkan oleh PETRONAS bukan \$100 juta bahkan \$150 juta dan jumlah ini hendaklah dikaji dari masa ke semasa.

Yang keenam ialah mengenai 5 (1) (e), iaitu segala pemberian, dermawan, endowments elaun sumbangan, bequests sebagaimana yang dibuat kepada atau untuk faedah Kumpulan Wang. Saya mengirakan bahawa peruntukan ini memberi peluang kepada seluruh rakyat Malaysia untuk turut sama menzahirkan keyakinan mereka, menzahirkan rasa terima kasih mereka kepada negara ini dengan membuat sumbangan kepada tabung ini kerana ada orang-orang yang kaya akibat daripada keadaan yang ada di negara ini, hasil yang ada di negara ini, dia memperoleh keuntungan.

Kalau dahulunya dia mungkin dalam keadaan yang miskin, tetapi sekarang dia boleh menjadi jutawan. Maka tidak ada sebab kalau dia tidak boleh membuat sumbangan, kerana negara inilah yang memberi kekayaan

kepada mereka. Maka dengan sebab itu, saya menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia, apa keturunan, apa bangsa, apa kaum sekalipun, harus melihat bahawa Tabung Kumpulan Wang Amanah ini adalah milik mereka dan mereka turut sama, seharusnya menyumbangkan saham kepada pembangunan negara ini melalui Kumpulan Wang Amanah ini, semoga Kumpulan Wang Amanah ini akan dapat dinikmati bukan sahaja oleh generasi sekarang, bukan sahaja oleh generasi dalam 20 tahun akan datang, bahkan generasi untuk sampai bila-bila pun selagi negara ini ada, selagi negara ini wujud dan Kumpulan Wang ini terus akan memberi khidmatnya kepada seluruh negara dan rakyat di Malaysia ini.

Perkara yang ketujuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai seksyen 6 yang memberi kuasa kepada Menteri atau Panel untuk menggunakan Kumpulan Wang Amanah ini bagi maksud memberi pinjaman ataupun konsesi kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri di Malaysia dalam masa 10 tahun.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya berpendapat, oleh kerana tabung ini merupakan Tabung Kumpulan Wang Amanah seharusnya ia tidak disentuh, seharusnya ia tidak dijamah. Mengapa kita harus menggunakan kumpulan wang ini untuk memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri ataupun kepada Kerajaan Persekutuan. Saya percaya dan saya yakin kalaulah pinjaman diberi tentulah dengan suatu syarat yang mudah ataupun dikatakan sebagai soft loan. Maka adalah tidak patut kerana ini satu tabung amanah.

Saya kira dalam tempoh 10 tahun itu belum lagi cukup untuk kita melihat suatu kumpulan wang yang besar. Maka saya percaya kalaulah ianya diberi kuasa kepada Panel ataupun Menteri untuk memberi pinjaman

atau pendahuluan, maka ia tentulah akan menjejaskan tabung ini sendiri dan kelakny tentulah tujuan dan matlamat yang dicita-citakan melalui tabung ini saya bimbang tidak akan tercapai akibat aliran wang, kedudukan kewangan yang tersentuh akibat daripada pemberian pinjaman ataupun pemberian pendahuluan. Kalaupun mahu diberi pinjaman, kalaupun mahu diberi pendahuluan maka biarlah perspektif pembayaran balik itu adalah dijamin.

Perkara yang kelapan, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai seksyen 7 iaitu mengenai kuasa yang boleh digunakan oleh Panel untuk melaburkan wang yang ada dalam Kumpulan Wang Amanah ini. Saya mencadangkan daripada pengalaman-pengalaman yang lalu yang kita lihat seperti yang telah berlaku kepada KWSP misalnya, seharusnya itu diambil sebagai ingatan kerana kita bimbang kalau suatu garis panduan yang terperinci tidak dibuat oleh Kerajaan ataupun oleh lembaga pentadbir misalnya, supaya panel yang ingin membuat pelaburan ini dapat melihat dan mematuhi syarat-syarat yang ketat dan seharusnya ia merupakan suatu syarat yang tidak dapat tidak mesti dipatuhi sebelum daripada mereka dibenarkan melaburkan wang yang ada dalam Kumpulan Wang Amanah ini.

Perkara ini mesti diambil ingatan kerana kita tidak mahu jumlah wang yang dihimpun dengan mengambil masa yang begitu lama tiba-tiba ianya akan hilang dalam masa yang sekejap sahaja dan tentulah tujuan yang baik, tujuan yang murni ini tidak akan sampai ke mana bahkan ia juga akan menjadikan generasi yang akan datang melihat sejarah, peristiwa demi peristiwa yang berlaku di dalam negara kita ini, nampaknya tentulah mereka akan membuat suatu kesimpulan yang boleh memalukan kita dan keadaan ini yang berlaku

dalam sejarah akan dibaca pada bila-bila masa. Maka saya mengesyorkan supaya garis panduan secara terperinci hendaklah dibuat dan memastikan panel yang ingin melaburkan wang ini mematuhi setiap syarat yang telah ditetapkan di dalam garis panduan tersebut. Andainya tidak ada pematuhan maka tidaklah boleh dibenarkan kumpulan wang itu dilaburkan.

Yang kesembilan, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai 7 (1) (g) bagi maksud:

“dalam pendahuluan-pendahuluan bagi maksud membantu pencarigalian dan pemajuan mineral-mineral dan penanaman, pemprosesan atau pemasaran apa-apa keluaran utama kepada:

- (i) mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Persekutuan; dan
- (ii) mana-mana koperasi yang melibatkan diri dalam kerja perlombongan, perladangan, pertanian, perkebunan atau perikanan”.

Terpaksalah saya mengulangi apa yang telah saya sebutkan. Mengapa mesti diberi pendahuluan untuk membantu pencarigalian ini? Kenapa Tabung Wang Amanah yang mesti dipukulkan tanggungjawab? Seharusnya ada sumber kewangan yang lain.

Sebagaimana yang saya katakan tadi tidak seharusnya disentuh Kumpulan Wang Amanah ini untuk maksud tujuan ini sebab ia merupakan Kumpulan Wang Amanah dan sumbangan-sumbangan yang diberi bukan sahaja sumbangan daripada pihak PETRONAS, bahkan juga daripada pihak-pihak lain kerana *sebagaimana yang telah dibentangkan* tadi bahawa ada sumbangan daripada

masyarakat, maka kenapa kita mesti membenarkan pendahuluan-pendahuluan untuk seperti ini. Sudahlah begitu, diberikan pula kepada pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Persekutuan—undang-undang bertulis ataupun koperasi-koperasi.

Saya bimbang dan saya takut kalaulah bidang kuasa ini dibenarkan ianya akan meluaskan pintu untuk kepada amalan curang. Maka dengan sebab itu untuk menyelamatkan keadaan, lebih baik kita bertindak dahulu kerana membasmi penyakit itu adalah lebih baik daripada berubat. Maka saya mengesyorkan supaya tidak dibenarkan untuk maksud pemberian pendahuluan-pendahuluan kepada mana-mana badan berkanun ataupun mana-mana koperasi walaupun akhirnya apa yang diusahakan oleh badan berkanun atau koperasi itu akhirnya akan memberi keuntungan kepada tabung amanah. Saya kira tidak patut dilibatkan Tabung Kumpulan Wang Amanah ini untuk menolong badan-badan berkanun ataupun koperasi yang melibatkan diri dalam kerja-kerja perlombongan atau pencarigalian sebagaimana disebut oleh seksyen ini.

Yang terakhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai seksyen 11 iaitu akaun dan auditan. Saya bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai yang mengesyorkan kepada Kerajaan, yang mengesyorkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dilantik suatu kumpulan auditor luar ataupun berkanun yang mengamalkan sebagai auditor ataupun akauntan kerana kita tidak seharusnya bergantung Ketua Audit Negara sahaja untuk memastikan bahawa tidak ada penyelewengan. Saya kira auditor daripada luar, akauntan daripada luar *seharusnya digunakan* untuk mengesan supaya kalaulah

berlaku penyelewengan, perbuatan yang tidak baik dapat dikesan terlebih awal dan seterusnya dapat diperbaiki sebelum nasi menjadi bubur. Maka saya mengesyorkan supaya ditambah subseksyen tambahan kepada seksyen 11 ini supaya dimuatkan di mana tabung kewangan ini hendaklah melantik juru-juru audit luar supaya ianya dapat menolong serta membantu penyelenggaraan tabung kewangan ini berjalan dengan sempurna.

Saya kira itulah sahaja pandangan yang dapat saya kemukakan kepada Dewan yang mulia ini dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Orang Ahli: (Bangun).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat semua. Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, mengikut rekod Hansard yang saya ada di sini Yang Berhormat menggunakan perkataan "bodoh" semalam. Saya harap Yang Berhormat boleh tarik balik perkataan itu.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, kena tanya saya dahulu. Saya kata "bodoh" itu kepada siapa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak apa. "Point of order, bodoh", itulah apa Yang Berhormat kata.

Tuan Zubir bin Embong: Betul! Saya katakan kepada.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh gunakan perkataan itu Dewan ini, Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Betul! Saya gunakan perkataan itu kepada Yang Berhormat dari Arau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak apa.

Tuan Zubir bin Embong: Kalau Tuan Yang di-Pertua minta saya menarik, saya menarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Terima kasih. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.32 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan adalah juga merupakan satu percubaan untuk melemahkan kuasa Parlimen. Sungguhpun negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 30 tahun, keunggulan Parlimen jelas tergugat dan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan sedang mencuba untuk melemahkan kuasanya dengan menjadikan Parlimen sebagai rubber stamp, semua keputusan-keputusan Eksekutif dengan memberi kuasa yang begitu luas dan tidak terkawal kepada satu orang yakni Yang Berhormat Menteri Kewangan. Pihak Kerajaan bukanlah sahaja menjadi lebih tidak accountable, tidak bertanggungjawab, tetapi juga, dengan izin, repressive, kerana dengan mencadangkan kuasa yang diberikan yang begitu luas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang tidak boleh disoal langsung keputusan-keputusan yang dibuat oleh beliau, oleh itu saya rasa adalah tidak mustahil sama sekali bahawa terdapat Ahli-ahli Parlimen dari UMNO yang juga menyuarakan bantahan mengenai kuasa yang sebegitu luas dan sebegitu tidak terkawal itu.

Saya tertarik dan juga bersetuju dengan sentimen-sentimen, hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus bahawa orang-orang kaya tidak patut dilantik ke Panel ini, kerana kalau mereka menipu, menurut beliau, jumlah wang

yang terlibat bukanlah kecil, tetapi akan melibatkan jumlah berjuta-juta ringgit. Saya rasa itu adalah saranan yang sangat baik dan kalau kita mengikuti saranan beliau, Yang Berhormat Menteri Kewangan sepatutnya tidak campurtangan langsung dalam hal urusan Kumpulan Wang Amanah Negara dan saya rasa juga Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak juga patut melibatkan diri dalam perlantikan pemegang-pemegang amanah.

Saya berasa kesal kerana tidak terdapat langsung peruntukan dalam Rang Undang-undang untuk menghukum mereka yang melanggar peraturan-peraturan ini, terutama mereka yang tidak mematuhi kriteria pelaburan yang ditetapkan di bawah fasal 7. Sebagai satu contoh, penyalahgunaan tabung EPF atau KWSP di mana pelaburan dibuat di dalam saham-saham bukan amanah, sungguhpun Seksyen 4, Akta KWSP dengan jelasnya melarang pelaburan sebegini dan tindakan tidak diambil langsung terhadap mereka yang salah adalah satu kesilapan yang membiarkan mereka yang melakukan kesalahan itu melarikan diri daripada dikenakan apa-apa tindakan undang-undang. Saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat dari Padang Serai dan juga saya rasa pertama kali Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, jarang sekali saya bersetuju dengan pendapat beliau, bahawa kita mesti mengadakan hukuman denda atau penjara terhadap mereka yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Rang Undang-undang ini dan juga bahawa pemegang-pemegang amanah yang dilantik tidak patut diberikan elaun-elaun semasa perkhidmatan mereka.

Mengenai hukuman denda atau penjara, saya rasa hukuman denda mestilah sekurang-kurangnya \$20,000 dan penjara 10 tahun. Saya rasa

hukuman denda \$20,000 adalah satu jumlah yang kecil kerana kalau sesuatu penipuan, penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa dilakukan, ianya akan melibatkan jumlah yang besar bukan sahaja beribu-ribu ringgit, tetapi mungkin berjuta-juta ringgit. Dengan ini hukuman ini mesti diadakan supaya dapat menyekat berlakunya penyalahgunaan yang tadi saya bangkitkan. Bak kata pepatah Melayu: "Harapkan pagar, pagar makan padi". Untuk menjamin hanya pegawai-pegawai yang jujur dan ikhlas menganggotai Panel ini saya ingin menyokong cadang Yang Berhormat dari Bukit Bintang bahawa bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin dan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Suffian dilantik sebagai ahli. Dan saya pula ingin mencadangkan lagi bahawa Gabenor Bank Negara juga mesti menjadi anggota kerana Bank Negara dipertanggungjawabkan menjalankan pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal ehwal Kumpulan Wang ini.

Satu aspek yang saya hendak bangkitkan lagi ialah mengenai pelaburan di negara-negara di mana Malaysia tidak mempunyai hubungan kerana mengikut Rang Undang-undang ini Panel ini dibenarkan melabur di mana-mana negara dan di dalam matawang-matawang asing mengikut pertimbangan mereka dan saya merasa bimbang kalau Panel ini melibatkan diri dalam pelaburan di mana syarikat-syarikat itu atau matawang-matawang asing berkaitan dengan negara-negara yang kita tidak mempunyai hubungan diplomatik, terutamanya kalau ianya berhubung dengan Afrika Selatan. Saya harap pihak Kerajaan boleh memberikan jaminan bahawa ia akan mengarahkan Panel ini supaya tidak melabur dalam syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan dengan regim, terutamanya *Regim Afrika Selatan yang begitu racist* ini.

Seperti kata rakan-rakan saya dalam parti DAP, Rang Undang-undang ini dalam bentuk yang dibenarkan tidak boleh diterima kerana ia memberikan Yang Berhormat Menteri Kewangan kuasa yang sebegitu luas sehingga beliau boleh membuat apa-apa sesuka hati beliau termasuk melabur dalam perniagaan beliau sendiri kalau beliau mahu tanpa dipersoalkan dan seperti rakan-rakan saya juga saya tidak akan menyokong cadangan bahawa yang mempunyai kuasa penuh yang tidak terkawal yang akan dipegang oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana kuasa yang diberikan kepada beliau mungkin bukan sahaja boleh menggadaikan masa depan generasi muda yang akan datang, tetapi juga masa depan negara kita untuk selamalamanya.

Oleh itu saya membantah dengan keras Rang Undang-undang ini kerana satu orang sahaja tidak boleh mempunyai kuasa dan memutuskan dasar pelaburan yang akan diceburi yang mempunyai sumbangan \$100 juta setiap tahun daripada PETRONAS dan akan bertambah sehingga \$1 bilion 10 tahun kelak. Saya rasa ini adalah satu jumlah yang besar untuk seorang mengendalikan, memutuskan dan membuat keputusan mengenai ini sungguhpun ia seorang Menteri Kewangan, saya rasa adalah lebih tidak patut dan tidak wajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menutup atau menghabiskan ucapan saya dengan observation ini, bahawa di Amerika Syarikat kita ada dengar terdapat "Six Million Dollar Man", tetapi nampaknya di Malaysia kita telah ada lebih bagus dan lebih baik daripada apa yang berlaku di Amerika Syarikat, kita sekarang ada "One Billion Dollar Man".

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Gopeng.

5.41 ptg.

Dr Ting Chew Peh (Gopeng): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk ikut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara.

Pada pandangan saya penubuhan Kumpulan Wang Amanah Negara cukup baik dan murni tujuannya, kerana Rang Undang-undang ini digubal demi kepentingan negara khasnya generasi kita akan datang. Oleh kerana tujuan yang murni ini, saya rasa rakyat Malaysia cintakan negara ini sama-sama bertanggungjawab untuk memastikan Kumpulan Wang Amanah Negara ini mencapai matlamatnya dan juga wang rakyat tidak disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini izinkan saya memberikan beberapa cadangan.

Yang pertama sekali berhubung dengan Panel Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Kita sudah diberitahu semalam bahawa Panel itu diberikan kuasa yang agak luas khasnya dalam membuat pelaburan dan dalam memberi pinjaman dan pendahuluan. Jadi dengan kata-kata lain tugas dan tanggungjawab Panel itu amatlah berat. Oleh yang demikian, saya berpendapat dan saya ingin mencadangkan:

- (i) supaya perlantikan Ahli-ahli Panel itu dilakukan secara berhati-hati;
- (ii) kita hendaklah memastikan individu-individu yang dilantik itu benar-benar mereka yang berkaliber, benar-benar mereka yang amanah, berpengalaman dan juga berdedikasi; dan
- (iii) kita juga perlu memastikan bahawa Panel itu tidak dimonopoli oleh golongan berkepentingan yang tertentu.

Yang kedua, perlantikan Ahli-ahli Panel pada pandangan saya sebaik-baiknya dibuat oleh satu badan mungkin satu badan yang bebas, yang dilantik oleh Parlimen. Ini bukan sahaja dapat mengelakkan kejadian pilih kasih, kejadian penyelewengan, tetapi juga bagi saya meringankan tanggungjawab seseorang Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, keanggotaan 5 orang Panel itu, bagi saya tidak memadai dan keanggotaan itu sebaik-baiknya diperbesarkan bagi mengendalikan sejumlah wang yang begitu besar. Adalah elok sekiranya dilantik sekurang-kurangnya 9 hingga 11 orang dan ahli-ahli Panel itu janganlah cuma terbatas kepada ahli-ahli ekonomi sahaja. Pakar-pakar dalam bidang yang lain, misalnya dalam bidang sains sosial, ahli-ahli sosiologi dan ahli-ahli psikologi juga perlu dilantik untuk menganggotai Panel itu.

Yang keempat, berhubung dengan kuasa Menteri itu, perkara ini sudah banyak dibincangkan dalam Dewan ini. Menurut Rang Undang-undang ini Menteri itu berkuasa untuk melantik ahli-ahli Panel. Menteri itu juga berkuasa untuk memberikan arahan kepada Panel dan membuat peraturan-peraturan yang tertentu. Ternyata Menteri Kewangan itu diberikan kuasa yang terlalu luas dan penumpuan kepada seseorang Menteri itu ada bahayanya, ia mungkin mengakibatkan penyalahgunaan kuasa yang akhirnya akan merugikan negara dan rakyat. Oleh sebab itu saya mencadangkan kuasa Menteri itu dihadkan dan sebahagian kuasa itu boleh diambilalih oleh Parlimen.

Berhubung dengan kegiatan pelaburan K.W.A.N. ini seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kelmarin, kegiatan pelaburan K.W.A.N. ini dijalankan bukan sahaja di dalam negeri, tetapi juga di luar negeri dan kegiatan

pelaburan juga nampaknya meliputi bidang yang agak luas. Oleh sebab itu, pada pandangan saya, tiap-tiap pelaburan itu dan pemilihan setiap negara bagi tujuan pelaburan itu haruslah berdasarkan kepada kajian-kajian yang terperinci untuk menjamin kejayaan kumpulan wang itu.

Mengenai penggunaan wang K.W.A.N., adalah satu langkah yang baik Kerajaan menetapkan satu tempoh dalam mana sumber kewangan K.W.A.N. itu tidak boleh digunakan untuk tujuan selain daripada pelaburan dan pentadbiran.

Pada pandangan saya, tempoh 10 tahun yang ditetapkan itu terlalu pendek. Dalam hal ini saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas. Kalaulah kita benar-benar memikirkan kepentingan jenerasi kita akan datang, tempoh 10 tahun itu hendaklah dilanjutkan menjadi 20 tahun ataupun 30 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu rancangan Kerajaan bagi saya harusnya dilihat sekurang-kurangnya dari dua segi, iaitu dari segi teori dan juga dari segi praktik atau pelaksanaan. Yang baik dari segi teori tidak semestinya baik juga dari segi praktik ataupun pelaksanaan. Jadi dalam hubungan ini sekarang nampaknya sudah kelihatan beberapa kekurangan dan kecacatan dalam Kumpulan Wang Amanah Negara ini dari segi teori.

Saya bimbang dalam praktik ataupun dalam pelaksanaan K.W.A.N. ini nanti lebih banyak lagi masalah akan terjelma. Oleh sebab itu saya berharap pihak Kerajaan dapat mempertimbangkan secara teliti kritik-kritik yang dibangkitkan. Kawalan-kawalan yang ketat mungkin hendaklah difikirkan bagi menjayakan K.W.A.N. ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dengan komen-komen yang saya buat tadi dan juga demi kepentingan masa depan generasi kita akan datang, saya menyokong Rang Undang-undang yang disebutkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.50 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kumpulan Wang Amanah Negara ini sebahagian besar dari aktiviti adalah melibatkan pelaburan dalam suratcara wang, simpanan dalam bank, pinjaman kepada Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa atau perbadanan awam serta pendahuluan kepada pihak berkuasa dan koperasi kerja perlombongan, perladangan, pertanian, perkebunan atau perikanan untuk maksud pencarigalian dan pemajuan galian, penanaman, pemerosesan atau pemasaran keluaran utama.

Pada keseluruhannya sekiranya penubuhan KWAN ini boleh benar-benar mendatangkan faedah kepada negara, ia merupakan satu langkah yang baik terutama sekali dalam usaha untuk mengesyorkan hasil lumayan dari sumber-sumber ekonomi yang menyusut dilabur dengan baiknya sama ada di dalam pasaran kewangan atau dalam maksud pencarigalian, pemajuan, pemerosesan atau pasaran keluaran utama serta galian.

Namun demikian ianya berkemungkinan besar akan diuruskan dengan lebih cekap lagi sekiranya Kerajaan Pusat langsung tidak mencampur tangan dalam Kumpulan Wang Amanah Negara ini dan diganti pula dengan ahli-ahli profesional yang berpengalaman di dalam sektor swasta. Keadaan sedemikian akan serupa dengan kes Malaysia Fund Incorporated yang

dimajukan oleh Bank Perdagangan Arab Malaysia di Pertukaran Saham New York.

Tuan Yang di-Pertua, kami memang sedar bahawa Malaysia Fund Incorporated tersebut melibatkan penjualan 7 juta saham yang bernilai AS\$84 juta untuk menarik pelabur-pelabur asing supaya melabur di Malaysia. Ciri yang menarik adalah Kerajaan tidak campur tangan dalam pengurusannya. Kami percaya bahawa tanpa penglibatan Kerajaan Pusat maka ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan lagi sebagai pengawas aktiviti pelaburan yang dilaksanakan oleh mereka yang diamanahkan oleh Kerajaan sendiri.

Langkah sedemikian bukan sahaja meringankan lagi beban Kerajaan akan tetapi juga sekurang-kurangnya mengesyorkan rakyat bahawa sekiranya berlaku penyelewengan dalam kegunaan atau pelaburan Kumpulan Wang maka Kerajaan tidak akan teragak-agak lagi untuk mengambil tindakan ke atas mereka. Tambahan lagi kami juga mendapat jaminan bahawa akaun-akaun Kumpulan Wang akan dihantar dan diaudit oleh Ketua Audit Negara dalam tempoh masa yang disyorkan dalam Rang Undang-undang ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan bertindak amat keras ke atas kelewatan pengauditan akaun-akaun sektor swasta sahaja akan tetapi amat lembab sekali apabila perbadanan awam atau Kerajaan Negeri serta syarikat mereka gagal untuk berbuat sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini pada idealnya, rakyat juga boleh mendapat pengesyoran bahawa sekurang-kurangnya wang dari Kumpulan Wang tidak akan digunakan dengan sewenang-wenangnya untuk menyelamatkan berbagai-bagai bidang syarikat Kerajaan atau Agensi Luar Belanjawan yang menghadapi

kesulitan wang. Ahli-ahli profesional yang menganggotai Panel Kumpulan Wang ini akan dipaksa untuk memberi atau menerima jaminan-jaminan dan sebab-sebab yang baik sekali mengapa sesuatu pelaburan harus dibuat.

Oleh yang demikian kami bukan sahaja dapat mengesyorkan yang sumber-sumber wang negara tidak dibazirkan dengan sewenang-wenangnya akan tetapi akan dilaburkan dengan berkesan sekali dalam ekonomi negara dan seterusnya menjamin aliran hasil yang stabil dalam masa akan datang terutama sekali apabila bekalan sumber-sumber semula jadi seperti petroleum dan berbagai-bagai bijih galian kehausan. Nampaknya hayat simpanan petroleum sekarang tidak sampai 20 tahun dan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Negara seperti ini adalah banyak tahun lewat. Kalau kita lihat keadaan bijih timah, kemerdekaan negara 30 tahun, tetapi kita tidak pernah ada Kumpulan Wang seperti yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sehingga keadaan bijih timah yang begitu buruk dan simpanan semakin hari semakin menyusut, kita tidak dapat membawa faedah, manfaat kepada negara dengan hilangnya simpanan bijih timah ini.

Untuk tujuan memelihara kepentingan rakyat, saya setuju bahawa satu badan yang bebas yang bertanggungjawab hanya kepada Parlimen hendaklah ditubuhkan dan badan yang bebas ini patutlah diketuai oleh bekas Hakim yang benar-benar bertanggungjawab. Dengan adanya badan yang sedemikian semua sistem yang terlibat dapat dikawal dengan lebih sempurna dan lebih teliti. Misalnya, sistem sumbangan wang dan dari sumber yang telah disebutkan boleh disemak dan diumumkan kepada khalayak ramai dari masa ke semasa dan penyata tahunan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini tiap-tiap tahun, dan di sinilah

kita boleh menyemak sama ada \$100 juta daripada PETRONAS itu patut ataupun tidak patut, sama ada adanya sumber-sumber yang lain yang tidak pernah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang ini semalam. Ia tidak pernah menyebut sumber yang lain, cuma PETRONAS sahaja, seolah-olah di negara ini hanya ada PETRONASlah. Saya setujuah \$100 juta tidak cukup, mungkin sekurang-kurangnya \$150 juta ataupun \$200 juta kerana pendapatan setahun-tahun itu sangat tinggi. Walau bagaimanapun, dengan adanya badan yang bebas yang tersebut, memang kita dapat menyemak sistem sumbangan wang.

Satu lagi iaitu mengenai sistem untuk melantik anggota Panel Kumpulan Wang tersebut yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini, saya tidak boleh terima kerana tidak disebutkan bagaimana Panel ini akan dilantik kerana saya tidak mahu menyaksikan Panel Kumpulan Wang ini seperti terdapat dengan Panel KWSP sehingga menimbulkan kecurigaan orang ramai. Dengan adanya badan yang bebas kita dapat mengawal dan mengawasi sistem yang lebih sempurna untuk melantik Akta Panel Kumpulan Wang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam urusan KWAN ini, kita hendaklah menghapuskan segala unsur dan faktor politik kerana kalau tidak menghapuskan unsur dan faktor politik ini, saya tidak nampak bagaimana hal seperti skandal MAKUWASA KWSP dapat dielakkan kerana kewujudan, penimbunan skandal MAKUWASA KWSP ini berpunca daripada faktor politik.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap pihak Kerajaan dengan adanya Kumpulan Wang Amanah Negara ini dapat memberikan jaminan

dan memastikan wang amanah ini benar-benar mempunyai keamanahan demi kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

6.01 ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan atas satu Rang Undang-undang baru yang Kerajaan cuba mendapat kelulusan dalam Dewan ini bagi maksud-maksud yang tertentu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana bertungkus-lumus selama 30 tahun selepas merdeka untuk mencari satu peluang di mana lebih banyak lagi penyelewengan boleh berlaku. Syabas!

Dalam huraian Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam, saya tidak dapat menangkap satu ayat pun yang mengatakan apakah sebabnya dalam tempoh 30 tahun ini kita tidak, ataupun pucuk pimpinan negara—kita telah mempunyai tiga Perdana Menteri—Yang Teramat Mulia Tunku, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn—di bawah pentadbiran ketiga-tiga pemimpin itu tak dapat mereka mengeluarkan fikiran seumpama ini, tetapi di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang, mulai 16hb Julai 1981, dalam tempoh 6 tahun sahaja, beliau sudah mengeluarkan Rang Undang-undang seperti ini.

Saya hairan, apakah Rang Undang-undang ini dibawa dengan ikhlas dan jujur atau ada "undang di sebalik batu", kerana Kerajaan sendiri sudah berkucar-kacir sepertimana rakan saya dalam Parlimen, wakil daripada

Pengkalan Chepa menghuraikan sebentar tadi sehingga menyebabkan Kementerian Kewangan untuk mencari satu jalan, untuk menggunakan wang daripada PETRONAS untuk mewujudkan Tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah ini PETRONAS? PETRONAS adalah badan yang ditubuhkan oleh Parlimen menurut satu Akta, dengan izin, Petroleum Development Act, kalau tak silap saya, dalam tahun 1974.

Waktu itu apabila Rang Undang-undang, dikemukakan dalam Dewan ini, walaupun saya tidak ada dalam Dewan saya mengikuti rapat perkembangan itu, kerana Rang Undang-undang itu pada ketika itu adalah menjadi satu Rang Undang-undang yang akan menentukan masa depan dan warisan kita atas harta kita sendiri iaitu minyak. Di dalam tahun itu dan pada ketika itu disebut bahawa PETRONAS ini tidak akan membuat sebarang perniagaan lain melainkan perniagaan yang terlibat berhubung dengan petroleum, dengan izin, upstream and downstream.

Tetapi apabila di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang, yang keempat ini, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menggunakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri keempat sejak merdeka, satu perkara berlaku di mana PETRONAS yang sangat-sangat diharapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menyumbangkan duit ke dalam Tabung ini, cuba melakukan perniagaan yang tidak di bawah perlindungan Petroleum Development Act, di luar kuasa yang diberi oleh Akta itu. Apabila perkara itu dibawa ke Mahkamah, maka secara tergesa-gesa dibuatlah pindaan dalam Parlimen juga, oleh Parlimen ini juga supaya PETRONAS yang selama itu diberi kuasa hanya untuk membuat

perniagaan bersabit, berhubung dengan petroleum diberi kuasa untuk menjalankan apa sahaja perniagaan, termasuklah banking sehingga PETRONAS boleh menjadi salah satu badan yang boleh bersaing dengan sesiapa sahaja yang membuat perniagaan termasuk apa yang dipanggil "PETRONAS Fried Chicken" ataupun hendak import "chicken" daripada mana-mana. Apa sahaja boleh dan itulah "PETRONAS".

Parlimen yang membuat undang-undang yang mewujudkan PETRONAS, hari ini tidak ada seinci kuasa pun untuk menyoal PETRONAS, kerana PETRONAS diwujudkan di bawah Undang-undang Syarikat. Saya masih ingat apabila Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Accounts Committee) cuba mengirimi surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn untuk mendapat kerjasama Kabinet supaya kegiatan PETRONAS, supaya laporan kewangan PETRONAS dibentangkan dalam Parlimen kerana Parlimen yang membuat undang-undang itu iaitu Akta Kemajuan Petroleum, jawapannya Kabinet tak setuju.

Maka pada hari ini kita diminta untuk meluluskan Rang Undang-undang yang akan meminta PETRONAS, satu syarikat yang kita tak boleh soal di Parlimen, kita tak boleh tanya, tak boleh buat apa sahaja, cuma menerima wang sahaja, wang itu sama ada datang secara halal-haram, tak tahu oleh kerana PETRONAS boleh buat apa sahaja perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saya khuatir, 30 tahun tak dapat sesiapa memikirkan perkara ini, mereka sudah fikir. Dalam 21 tahun DAP wujud dalam negara ini, kami sudah mengingatkan berapa kali pihak Kerajaan baik Perdana Menteri

pertama, kedua, ketiga dan Keempat, tolong jagalah sumber-sumber alam semula jadi kita. Tidak siapa pun mahu dengar sehingga sekarang apabila sudah terbuntu, tidak tahu jalan, maka mereka mahu sekarang atas nama generasi akan datang, atas nama generasi akan datang membawa satu Rang Undang-undang kononnya hendak mewujudkan satu Kumpulan Wang Amanah Negara supaya menjaga anak-anak kita, cucu-cicit kita akan dapat menikmati hasil negara kita, tetapi kita lupa, pihak Timbalan Menteri lupa pemborosan yang telah berlaku dalam tempoh 30 tahun. Mengapakah tidak disebutkan? Kita terpaksa memikul, anak-anak kita sekarang memikul beban pemborosan yang berlaku selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu lagi sebab yang diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah harga barangan utama (primary commodities) sudahpun turun, jatuh sehingga tak boleh, dengan izin, pick-up—sudah jatuh.

Harga barangan utama bukannya baru jatuh hari ini. Dalam tempoh 30 tahun tidakkah pernah harga getah jatuh? Tidakkah pernah harga kelapa sawit jatuh, harga timah jatuh? Waktu itu semua tidak ingat. Barangkali Menteri Kewangan ini bijak sangat daripada Menteri-menteri Kewangan dahulu, saya tak tahulah. Itulah sebabnya dia tidak ada masa hendak datang ke Dewan Parlimen pun. Dia cuma datang dua kali setahun untuk bentang Belanjawan dan untuk menjawab hujah-hujah atas Belanjawan. Syabas kepada Menteri Kewangan. Apabila Rang Undang-undang ini diluluskan mungkin Belanjawan pun dia tidak datang untuk membentangkan kerana sibuk kutip duit PETRONAS dan barangkali sibuk untuk cari kaunter di Bursa Saham, kaunter mana yang sesuai, yang elok, yang sedap untuk melabur.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payahlah, Yang Berhormat, teruskan dengan perbahasan.

Tuan P. Patto: Ya, memang oleh kerana Menteri yang disebut di sini ialah Menteri Kewangan dan Menteri Kewangan sendiri tidak ada sini dan ini melibatkan berjuta-juta ringgit. Katanya generasi muda yang akan menikmati, mana dia?

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebab saya kata, kalau Kerajaan mahu membela diri, belahlah diri dengan alasan-alasan yang baik, yang boleh diterima, bukan alasan-alasan yang direka untuk meyakinkan kita. Rang Undang-undang ini akan cuba untuk mewujudkan Tabung adalah satu yang memberi kuasa yang sangat luas kepada Menteri Kewangan dan Rang Undang-undang ini walaupun mempunyai sebanyak 15 Fasal di sini ia boleh ditambah, ia boleh dikurangkan oleh Parlimen setiap kali Menteri Kewangan ataupun pihak Kerajaan memikirkan ia mahu meminda.

Di sini saya mahu mengingatkan kalaulah Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti menjawab, dan dia berkata bahawa pihak Kerajaan memberi jaminan bahawa ia tidak akan menyeleweng, bahawa tidak akan memboros wang rakyat, wang PETRONAS itu dan ini, saya suka mengingatkan beberapa hari dahulu sewaktu soal jawab Menteri Kerjaraya ada sebut tentang tol, contohnya tentang tol yang dipungut di Slim River. Beliau kata waktu itu, ya ada janji, tetapi sedikit sudah tukar fikiran. Apabila saya terdengar kata-kata itu, itu bukan sedikit tukar, 180 darjah atau 180 degrees, dengan izin, dan itu Menteri, Timbalan Menteri, itu pun belum tahu lagi sama ada di situkah atau blok "C", belum tahu, jadi jaminan yang akan diberi jikalau sekiranya dia hendak beri saya pun hendak tahulah berapa lama ia boleh

tahan. Itulah sebab jaminan yang diberi dalam Dewan ini sendiri sudah menjadi kosong dan kuasa yang diberi oleh setiap undang-undang diguna. Tidak boleh orang kata Menteri tidak gunakan kuasa—Menteri mana ada guna kuasa? Seperti ada seorang ahli backbencher yang mengatakan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961, mana ada Menteri guna, tidak guna langsung, ini DAP bohong, kata dia iaitu Ahli dari Pasir Mas.

Kalau ada masa saya minta dia baca sedikit. Sebab dalam satu jawapan daripada Menteri Pendidikan sendiri kepada saya, kepada satu soalan beliau sudah mengakui beliau ada menggunakan Fasal 21 (2) untuk menukar 7 buah Sekolah Tamil. Ya, bukan dia tetapi Menteri Pendidikan ini, sesiapa yang pegang jawatan itu ada. Ini ada dalam black and white. Jadi, janganlah datang ke Dewan seperti Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas untuk mislead the House. Don't mislead. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, boleh memikirkan satu cara untuk merujuk Ahli tersebut kepada Committee of Privileges supaya jangan mislead. Itu yang penting apabila kita bercakap sesuatu.

Jadi, saya haraplah oleh kerana saya pun sudah tunjuk bukti di mana kuasa boleh diguna sudah diguna walaupun jaminan akan diberi mungkin kuasa ini akan digunakan dengan baik, dengan kawalan. Mana ada kawalan? Tidak ada kawalan. Menterinya tidak datang ke dalam Parlimen. Saya tidak tahu sama ada dia ada closed circuit TV Pancar daripada sini ke pejabatnya, saya tidak tahu, ataupun mendengar apa yang dicakap di sini. Saya tidak pernah jumpa satu Menteri Kewangan yang menunjukkan begitu contempt kepada Dewan Parlimen. Saya tidak pernah berjumpa.

Berapa Orang Ahli: Hear! Hear!

Tuan P. Patto: Saya tidak pernah mendengar dalam sejarah negara ini

kecuali Menteri Kewangan sekarang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

6.19 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ipoh menyatakan tadi akhir-akhirnya dalam ucapan beliau mungkin saya akan menjawab dengan beberapa jaminan-jaminan tertentu dan antara lain beliau berkata bahawa kemungkinan saya akan membuat sesuatu kenyataan yang akan mengakibatkan saya bertukar daripada blok ini ke blok sana. With due respect, Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat, saya tidak pun bertujuan untuk mengungkit-ungkit perkara yang tidak berkaitan dengan hal ini melainkan motif Yang Berhormat itu yang beliau sendiri yang tahu. Saya tidak pernah melihat dan mendengar seorang Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bercakap dengan motif yang terselit, best known to himself, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian yang telah sudi memberi beberapa pendapat dan cadangan yang bernas dan mempunyai unsur-unsur wisdom, dengan izin, dan saya dengan ini memberi jaminan daripada saya bahawa cadangan-cadangan itu akan diberi perhatian yang sewajarnya. Saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat dari Ipoh untuk menentukan bahawa hari ini dalam Dewan ini perhatian yang sewajarnya saya janji itu akan diberi.

Di sini saya ingin mengulas beberapa perkara yang telah ditimbulkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sentiasa berusaha membantu

proses pemulihan ekonomi dan untuk tujuan ini pengurusan ekonomi negara sentiasa dipertingkatkan corak perkemasannya dan dipertingkatkan corak pentadbirannya. Tetapi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menimbulkan isu yang berkata bahawa seorang Menteri Kewangan dan seorang Perdana Menteri telah pun menyebabkan bahawa ekonomi negara kita telah pun merosot.

Saya sangsi bahawa dengan hanya seorang Menteri atau seorang Timbalan Menteri ataupun seorang Perdana Menteri boleh menyebabkan kemerosotan ekonomi ataupun kenaikan ekonomi. Kerajaan ini adalah satu Kerajaan yang kolektif dan kita bekerjasama termasuk kalau boleh dengan cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pihak kumpulan itu. Benarkan saya menggunakan pihak daripada parti Democratic Action Party memberi pandangan-pandangan dan saya akan sentiasa peka kepada cadangan-cadangan itu. Walhal saya sendiri pun telah memberi pintu, peluang kepada beberapa Yang Berhormat untuk memberi pandangan dan pandangan itu kalau baik kita akan mengambil perhatian. Namun demikian, saya ingin menegaskan di sini bahawa keadaan ekonomi di Malaysia akhir-akhir ini, bukan sahaja meleset kerana keadaan-keadaan tempatan, tetapi juga meleset kerana keadaan-keadaan luar. Apa yang berlaku di luar negeri mahu tidak maju akan mempunyai

Dr Eng Seng Chai: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya minta maaf. Beri peluang saya berucap sebentar. Mahu tidak mahu akan mempengaruhi keadaan dalam negeri kita. Namun begitu, proses pemulihan ekobomi ini yang

dilakukan secara kolektif bukan kerana seorang atau dua atau tiga, tetapi secara kolektif dengan nasihat daripada experts kita, dengan izin, maka hasil ekonomi sekarang dijangka tumbuh daripada negatif pada 1985 kepada positif dan pada kadar yang lebih menggalakkan berbanding dengan jangka yang asal. Pada hari ini, pada tahun 1987, berani kita mengatakan bahawa pertumbuhan ekonomi telah pun meningkat kepada 1.5%.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya nampak tetapi saya hendak teruskan. Saya ingat Yang Berhormat telah diberi peluang untuk berucap. Berilah saya peluang untuk menjawab. Saya duduk di sini terlalu lama. Sebentar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menyentuh berkenaan dengan ekonomi tadi. Saya telah pun membuat kenyataan mengatakan bahawa ekonomi telah tumbuh kepada 1.5% pada tahun ini dan mungkin akan mencapai satu angka yang lebih tinggi pada tahun akan datang, Insya Allah, with the grace of God, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Petaling Jaya yang telah pun mengambil bahagian dan berkesempatan bercakap dalam Dewan ini telah sedikit sebanyak mengambil peluang ini untuk berpolitik untuk meragui keberkesanan Kumpulan Wang ini dengan membawa perkara-perkara yang tidak begitu sesuai dan relevant, dengan izin, seperti isu BMF, isu MARA, MAMINCO dan lain-lain. Saya ingin dan suka

menjelaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kumpulan Wang Amanah Negara, saya ulangi, Kumpulan Wang Amanah Negara yang dibincangkan ini adalah satu Kumpulan Wang Amanah yang disebutkan di dalam Akta Prosedur Kewangan 1957. Oleh yang demikian, adalah baik sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menimbulkan perkara yang tidak ada berkaitan dengan Kumpulan Wang Amanah ini merujuk kembali. Adakah Kumpulan-kumpulan Wang yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat termasuk dalam Kumpulan Wang Amanah Negara ini ataupun termasuk dalam list Akta Prosedur Kewangan 1957. Saya ada membawa bukti di sini bahawa daripada 36 yang telah diluluskan oleh Parlimen ini, tidak satu pun daripada Tabung Amanah yang telah diluluskan itu telah menunjukkan ataupun menggambarkan

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia tidak beri.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:satu keadaan yang ia tidak diselewengkan atau disalah tadbirkan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dari Petaling Jaya, duduk.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: tiada satu pun. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut sebenarnya adalah contoh-contoh luar daripada Akta Prosedur Kewangan 1957. Saya telah membentang dan mengusulkan satu Tabung Wang Amanah Negara di bawah Akta yang telah kita bincangkan hari ini.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Minta maaf. Bagi saya cakap dahulu.

Dr Eng Seng Chai: Saya tidak berapa faham. Contoh-contoh yang kita

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sila duduk!

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya Ahli Yang Berhormat menghormati pendapat seseorang seperti juga saya menghormati pendapat Yang Berhormat. Sekurang-kurangnya kita mempunyai adap ataupun kesopanan daripada negara kita sayang ini. Marilah kita mempertingkatkan nilai adap-kita dan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:saya harap saya tidak diganggu lagi semasa saya berucap oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menegaskan di sini bahawa Rang Undang-undang yang saya bawa ini dan Kementerian Kewangan bawa ini adalah Kumpulan Wang Amanah dan beberapa Ahli Yang Berhormat telah mensifatkan pertubuhan seperti KWSP, MAKUASA, MAMINCO, MARA sebagai Kumpulan Wang Amanah yang bersamaan or equal to, or similar to, dengan izin, seperti dengan Kumpulan Wang Amanah Negara yang kita sedang bincangkan. Saya meminta maaf kerana ada perbezaan besar di antara Kumpulan Wang yang kita perbincangkan hari ini dengan contoh-contoh Kumpulan-kumpulan Wang yang telah disebut oleh Yang Berhormat. Saya tidak ada apa-apa keraguan tentang bijakpandai Ahli-ahli

Yang Berhormat yang berkenaan dan adalah jelas bahawa kekeliruan ini sengaja ditimbulkan untuk mencari alasan supaya dapat mengungkit perkara-perkara yang telah beberapa kali diulas dan dibincang dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun saya baru dilantik, tetapi perkara ini telah pun saya dengar beberapa kali diulang, diulang, diulang dan saya berharap oleh kerana pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai institusi-institusi yang telah tidak mempunyai.

Tuan P. Patto: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:apa-apa hubungan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh minta penjelasan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Minta maaf, saya kata with due respect.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: With due respect.

Tuan P. Patto: On a point of order 37. Saya beri penjelasan, oleh kerana tadi saya ada kata bahawa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat berapa?

Tuan P. Patto: Peraturan Mesyuarat 37. Saya beri penjelasan oleh kerana tadi saya kata.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap.

Tuan P. Patto:Timbalan Menteri mungkin pergi ke Blok C. Baru saya tahu. I am retracting, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Peraturan Mesyuarat 37, Yang Berhormat?

Tuan P. Patto: Beliau bukanlah Ahli dalam Dewan ini. Beliau Senator. Saya terlupa. Itu sahaja. Peraturan Mesyuarat 37.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan salahgunakan Peraturan-peraturan Mesyuarat. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya menghormati pandangan Yang Berhormat dari

Ipoh. Oleh kerana pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai institusi-institusi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh sambung hari Isnin, masa sudah cukup.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.